

Jilid II
Bil. 7



Hari Rabu
31hb Mei, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDONGAN-NYA

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Pemegang Pajakgadai [Ruangan 473]
- Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) [Ruangan 478]
- Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 489]
- Rang Undang² Mahkamah (Pindaan) [Ruangan 515]
- Rang Undang² Mahkamah Keadilan (Pindaan) [Ruangan 517]
- Rang Undang² Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 524]
- Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 533]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Resmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 31hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD BIN MATUSIN (Di-lantek).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Di-lantek).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG²RANG UNDANG² PEMEGANG
PAJAKGADAI

JAWATAN-KUASA

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.
Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 25 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 26 hingga 49—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang pada zahir-nya kecil, tetapi patut di-beri perhatian ia-itu perkataan² yang di-gunakan di-dalam Undang² ini terkadang² memberi erti yang lain. Mithal-nya saya suka mengemukakan kepada pehak Kerajaan mengenai Clause 26 (1). If no demand dalam bahasa Melayu-nya, "Jika tiada apa² tuntutan". Perkataan "claim" pun "tuntutan" juga. Dalam bahasa Inggeris-nya hanya satu itu sahaja perkataan demand yang di-gunakan bagi menepati perkataan "claim" sedang di-dalam sub-clause yang lain kesemua-nya memakai perkataan claim atau pun unclaim mithal-nya:

Clause 26 (3) Any unclaimed surplus . . .

Clause 26 (4) In the event of failure so to pay any unclaimed surplus"

Clause 27 if the unclaimed money"

Clause 27 (2) Where any unclaimed surplus paid to any claimant is afterwards claimed."

Erti-nya, Tuan Pengerusi, perkataan "demand" di-sini susah hendak kita gunakan sebab perkataan "claim" dengan "demand" itu hendak-lah di-samakan ia-itu tiap² "demand" ia-lah "claim", tetapi tidak-lah mesti tiap² "claim" itu "demand". Demand is claim but not every claim is demand.

Ini-lah yang saya minta pehak Peguam Negara kita tolong menengokkan di-sini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, ada satu lagi yang ganjil sedikit mithal-nya di-dalam Clause 26 (4) barisan (2) ia-itu "shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction"

Jadi di-tempat² yang lain dalam Undang² ini, kita menggunakan berlain chara expression-nya ia-itu "shall on conviction be liable" Di-sini satu tempat yang ganjil. Walau pun dari segi grammatical arrangement barangkali betul, tetapi dari segi maksud-nya, Tuan Pengerusi, biar-lah kita sa-laraskan dengan membuat Undang² ini. Ini bukan berma'ana saya hendak memakan masa Peguam Negara kita, dan oleh kerana kita dudok dalam Dewan ini, kita contribute apa yang boleh.

Kemudian ada satu perkara pula ia-itu Clause 26 (4) to a further fine of not less than twenty five dollars and not more than fifty dollars" Ini dalam meshuarat dahulu kita sudah bergaduh tentang perkataan "and" yang erti-nya sarendah²-nya \$25 dan sa-tinggi²-nya \$50 dan kita gunakan "and" di-situ dia sudah jadi \$75 kechuali, kalau itu yang di-maksudkan. Ini pun selalu-lah kita berjumpa perkara² yang sa-macam ini.

Sekshen 27 (1) baris 4, perkataan "owner". Saya lebih suka kalau perkataan "owner" itu kita qualifykan ia-itu qualified owner atau kita jadikan legitimate owner, kerana kalau sa-saorang itu menggadai, kemudian tiba² di-katakan dia telah mati. Kalau saya dan Peguam Negara dua beradek, kemudian Peguam Negara menggadaikan harta, dan ditakdirkan Tuhan, dia mati dahulu. Jadi kalau hendak pergi tebus, mesti-lah atas nama "owner" sedangkan "owner" sudah mati. Saya ini adek kapada-nya, saya legitimate owner, saya boleh pergi ka-situ. Kalau kita pakai owner di-sini akan hilang-lah barang² itu kechuali perkataan owner itu ada being defined di-dalam undang² ini tetapi no where being defined. Ini pun patut-lah Peguam Negara jangan menghilangkan hak adek-nya kalau dia mati.

Kemudian di-dalam Sekshen 27, Tuan Pengerusi, barisan yang ketiga daripada bawah—"to be made to him". Perkataan "him" ini patut-lah kita tukarkan kepada "the state claimant", kerana, Tuan Pengerusi, perkataan "or" yang kita dapati sa-lepas ". the Consolidated Trust Account or, if the unclaimed money had

been paid into the Consolidated Revenue Account, the Minister of Finance may direct payment of a like amount to be made to him;". Sebab "or" tadi satu ayat yang lain dan ini satu perkataan yang lain kalau implikasi daripada grammatical arrangement "him" itu Minister, ta' patut-lah dia hendak memakan duit orang, patut-lah dia membezakan ia-itu the State claimant. Kemudian ka-semua dalam Rang Undang² ini saya dapati ka-semua unclaimed surplus, chuma ada satu sahaja perkataan "money". Jadi saya tidak tahu-lah bagaimana yang di-sini di-namakan unclaimed money, tidak di-namakan unclaimed surplus, di-baris keenam dalam seksyen 27.

Sa-lain daripada itu, barisan yang ketiga daripada bawah seksyen 29. Yang ini, Tuan Pengerusi, patut-lah kita tukarkan. Saya bachakan:

"29. the licensee shall detain such person and deliver him together with the article or pawn-ticket into the custody of a police officer."

Saya rasa ini patut-lah kita mengubahkan sedikit kalau boleh ia-itu kita tidak mahu-lah memberi kuasa kepada pawnbroker itu atau pun licensee itu boleh detain orang sebab detain itu susah sedikit, Tuan Pengerusi, kalau orang itu jahat mithal-nya dan licensee itu tidak chukop alat-nya hendak detain orang bagaimana pula dia hendak detain, kechuali kalau police officer. Saya lebeh suka kalau benda itu berbunyi bagini:

"The licensee shall detain and deliver such article or pawn-ticket".

Itu sahaja sudah patut-lah orang itu hendak detain susah sangat-lah sebab di-dalam kuasa² yang boleh menangkap orang, atau pun detain orang di-sini kita telah atorkan daripada Magistrate, pegawai Polis yang tidak kurang daripada pangkat sarjan dan tidak kurang daripada orang yang menjadi Officer-in-Charge Police Station. Jadi kita beri satu kepada licensee ini apa-kah dia ini sa-orang yang kompeten-kah atau pun yang qualified untuk detain orang. Detain ini terkadang² dia makan pula fundamental right manusia kalau semua licensee orang yang menjadi pawnbroker itu boleh detain orang. Ini pun satu perkara yang ajaib juga dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali ia-lah seksyen 31. Apa mustahak-nya kita cheraikan sub-clause (3) di-bawah-nya:

"31. (3) The licensee in such case may also detain the person offering"

Mengapa yang kita mesti cheraikan daripada sub-section (2) itu sebab "The licensee in such case" Jadi, kes yang macham mana. Kalau dia sudah di-jadikan clause yang lain dia tidak boleh di-kaitkan lagi dengan clause yang kebelakangan daripada itu. Saya lebeh suka, kalau kita sambongkan sahaja sa-lepas sahaja sub-clause (2) itu:

"31. (2) exceeding five hundred dollars, and the licensee in such case"

Jadi kita potong sub-clause (3) itu. Saya rasa, itu menepati perkataan "such" di-gunakan di-dalam "such case" dalam hal ini.

Sa-lain daripada itu, saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, ada-kah ini silap atau pun tidak ia-itu seksyen 33, muka 16, barisan keempat—hujung sa-kali sa-lepas perkataan ". . . .any other officer," ada koma, Kemudian baharu-lah perkataan datang-nya, ia-itu ". . . . authorized in writing by the Minister," Erti-nya ka-semua pegawai yang di-sebutkan tadi termasuk Magistrate, Police Officer not below the rank of sergeant dan pegawai² yang lain itu mesti-lah ". . . being authorized in writing by Minister" Kalau kita pakai koma di-situ, kechuali kalau kita buang koma di-situ maka perkataan "authorized" itu sa-mata² governing bagi other officer sahaja. Saya tidak mahu pula Magistrate sendiri pun hendak itu, kechuali kalau undang² itu berkehendakkan bagitu, tetapi saya rasa tidak, sebab pegawai kalau dia menjadi O.C.S. dia boleh memberikan kerjasama dengan inspekter dalam polis.

Tuan Pengerusi, satu rayuan lagi ia-itu Clause 45 (a) muka 18 kita beri kuasa kepada Menteri, ia-itu:

"45 (a) the Minister may make regulations for any or the following purposes—

(a) to define the duties"

Ini saya mentafsirkan.

Kemudian di-bawah (g) pula:

"to prescribe on matters stated or required in this Act to be prescribed;"

Jadi, Tuan Pengerusi, kita bukan tidak perchaya kepada Menteri, tetapi apa-lah ma'ana-nya kita membuat satu Rang

Undang² di-hadapan kita ini yang pernah di-katakan undang² ini mudah, ta' payah di-rujok kepada Select Committee, tetapi definisi dan kita hendak prescribed ini pun kita serahkan juga kepada Menteri. Jadi erti-nya kita membuat satu rangka undang² tetapi tidak membuat undang². Betul regulation itu Menteri boleh membuat, tetapi kalau ka-semua-nya lebih baik kita buat sedikit sahaja, ia-itu undang² ini nama-nya Rang Undang² Pemegang Pajagadai. Kemudian daripada itu segala ta'arif dan regulation-nya di-serahkan kepada Menteri, kalau bagitu, balek sahaja-lah ta' payah membuat apa² pindaan ka-atas undang² ini. Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, rayuan saya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya telah mendengar apa² tegoran daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah dan saya suka menyatakan di-sini sungguh pun saya bertanggung-jawab tetapi sa-benar-nya undang² ini ia-lah di-deraf oleh Penggubal Undang² Parlimen (Parliamentary Draftsman) sa-bagai expert dalam menderaf undang². Segala tegoran² yang itu saya sendiri ta' berani mengubah-nya, melainkan di-ambil ingatan sahaja, kerana saya sendiri pun tidak expert di-dalam menderaf undang² yang sa-macam ini dan ta' tahu-lah saya kalau Ahli Yang Berhormat itu lebih expert daripada expert yang menderaf undang² ini. Tinggal lagi ada satu perkara di-sini berkenaan dengan koma tadi, di-situ ada serious sedikit:

“ . . . or any officer, authorized in writing by the Minister. . . ” Itu saya akan mengambil ingatan kerana sa-kira-nya koma itu ada lah dengan sebab salah chap. Itu akan boleh di-perbaiki dalam masa di-keluarkan. Tetapi tentang kuasa, Clause 29, sa-malam pun Ahli Yang Berhormat telah menegor perkara ini dan telah di-tolak, tetapi di-bawa lagi sa-kali di-sini, tetapi saya suka menyatakan di-Dewan ini, Tuan Pengerusi, pada masa yang lampau pehak licensee pajagadai ini telah banyak membantu kepada negara dan pehak polis bagi menolong menangkap penchuri² dan orang² yang menchuri barang² yang di-gadaikan, kerana kadangkala bukan-lah sa-mata² polis ini atau mata² gelap itu ada sahaja di-muka pintu kedai pajagadai. Kuasa ini pada pendapat Kerajaan dan polis juga ada-lah sangat² dikehendaki dan belum sa-kali boleh di-katakan di-abusekan, di-salah-gunakan, oleh

pehak tuan punya kedai pajagadai. Pada pendapat saya dan Kerajaan juga, kuasa itu hendak-lah di-tinggalkan bagaimana yang telah kita amalkan pada masa yang lalu dalam Sekshen 29.

Berkenaan dengan Clause 45 itu di-mana² sahaja ada undang², Tuan Pengerusi, samemang-lah rules and regulations dan lain² di-beri kuasa kepada Menteri² membuat rules and regulations yang di-beri kuasa kepada-nya dan bertanggung-jawab-lah Menteri itu dan Kerajaan juga kepada Parlimen. Sa-kira-nya dia melebihi daripada kuasa yang di-beri kepada-nya atau melampau, perkara itu sedia sahaja bila² masa boleh di-bawa oleh Yang Berhormat di-Parlimen.

Itu sahaja yang dapat saya jawab.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau dapat penjelasan sedikit berkenaan dengan owner tadi, ada-kah hendak di-kekalkan owner itu juga dalam Sekshen 22?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tidak ada kuasa sa-siapa pun tatkala ini mengubah, melainkan di-beritahu kepada Parlimen terlebih dahulu apa² perubahan dalam undang².

Fasal 26 hingga 49 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA PELABOHAN (PINDAAN)

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No.2) di-bacha bagi kali yang kedua.

Baharu² ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan supaya nama Pelabohan Swettenham di-tukar menjadi Pelabohan Kelang. Ini membabitkan bukan sahaja pertukaran nama Port Swettenham, tetapi lembaga yang mentadbir pelabohan itu dan oleh sebab itu Undang² Lembaga Pelabohan, 1963 yang menubuhkan Lembaga itu

patut-lah di-pinda supaya semua sebutan nama Pelabohan Swettenham di-mana² pun berlaku di-tukar menjadi Pelabohan Kelang. Saya rasa tidak payah-lah saya memberi sebab² yang panjang atas pertukaran nama ini. Chukop-lah saya menyatakan di-sini bahawa sa-sudah mendapat taraf kemerdekaan beberapa tahun, elok-lah pelabohan yang sudah mencapai kemashhoran di-antarabangsa sa-bagai pelabohan utama dalam negeri kita ini di-beri nama yang benar² berchorakkan indenty kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I have great pleasure in welcoming this Bill. In doing so, I do it with a certain amount of satisfaction because some two years ago, I raised a lonely voice in this House. I advocated that all important town and port names in this country that bear non-Malaysian names should be changed in keeping with the aspirations of the people and the independence we have achieved. I pointed out that in that urgent priority Port Swettenham stood first. I went to the extent of requesting that the Port be named "Port Putra" to commemorate the name of our beloved ex-Prime Minister. Sir, I am glad, however, that Port Swettenham is taking the name of the town where it is situated.

When I made this move in this House, as usual, newspapers reported it. I was surprised that all vested interests opposed my move. They said that it would be impossible to change the name of Port Swettenham, it would cause confusion, it would cause extensive expenses and so on and so forth; and, as usual, most of them were expatriates. Sir, I am glad that now nobody is against the change in the name of Port Swettenham to Port Klang.

Sir, while I am at it, I would like to crave your indulgence to permit me to raise a similar question, though not vey identical. Naming of a town or a port is an important matter. They have life-long and historical consequences. That being so, we should always be quick to offer the correct name in the right time to any of our new national

ventures. If the correct name is given in the right time, it can go a long way to acheive popularity, success and economic benefits to the county. Sir, I am referring to one of our very major projects in the State of Johore where we will be establishing a very large port of national and international importance, which is now called Pasir Gudang. Sir, by calling it Pasir Gudang, nobody is commemorated, no town is commemorated, no national hero is commemorated. It is merely a name of a small village and that, too, it is two words into one name—Pasir Gudang. It can be Pelabohan Pasir or it can be Pelabohan Gudang. If it is a brief name it is so much easier to remember, to repeat easily and to attain popularity and success in international circles. It can be named after some of our freedom fighters, even now, before it becomes very popular and then we change it with so much difficulty—after stationeries are printed, signboards are written and so many other expenses are being committed. Sir, that port is in its initial stage. This is the right time to change the name of Pasir Gudang. I leave it to the Government, they know what good name should be given. We have had many historical heroes in this country and we have great men in our country even now, one of whose names can be commemorated if this name is changed right now, instead of after 10 years. Well, many countries do change names for reasons of historical exigency. Only 3 days ago Ceylon was changed to Sri Lanka. Some one year ago the State of Madras was changed into Tamil Nadu. But we need not do these things after such a long time. I appeal to Government to take the initiative, even now, at this right moment, to call Pasir Gudang by another name which will be forever in our history. Thank you very much, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit sahaja dalam menyokong Rang Undang² ini yang hendak saya sebutkan ia-itu dari segi nama. Di-dalam Clause 3 mithal-nya kita tukarkan perkataan Port Swettenham kepada perkataan Port Kelang. Tetapi mengapa-kah pula apabila kita sampai kepada bahagian (b) Port Swettenham Authority kita tukarkan kepada Kelang Port Authority, sa-patut-nya Port Kelang Authority. Tuan Yang di-Pertua, barangkali dalam English sense Kelang Port itu yang betul, bukan Port Kelang, tetapi mengapa pula Port Swettenham sendiri

dahulu kita pernah tegor, padahal perkataan Swettenham itu nama orang Inggeris. Apabila kita sudah merdeka ini kita hendak ubahkan Kelang Port Authority, kita tidak mahu Port Kelang. Boleh kita katakan Port Kelang tidak salah dan memang-lah tidak ada sifat itu dahulu daripada nama, mithal-nya tidak ada Kolej Tunku Abdul Rahman dalam Inggeris-nya Tunku Abdul Rahman College, Razak's School, Kadir's School, mithal-nya. Tetapi mengapa pula kita di-sini yang kita sendiri meminta menggantikan Port Swettenham kepada Port Kelang, tetapi di-sini pula kita takut di-bawah ini kita menggunakan Kelang Port Authority.

Tuan Yang di-Pertua, ada pelabohan² yang lain yang di-gunakan perkataan² port dahulu, mithal-nya di-Laut Mediterranean ada Port Said, di-negeri Uganda, Port Portal; dia tidak kata Portal Port, dia tidak kata Said Port—Said Port dia tidak kata. Mengapa pula kita hendak tukar kepada bahasa Inggeris. Saya katakan begitu kerana perkataan Kelang Port yang di-terjemahkan ini bukan sa-mata² bahasa, dia sudah menjadi satu pronoun, biar-lah kita kekalkan sa-bagai Port Kelang Authority.

Akhir-nya, ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kita memilih nama² atau pun nomenclature sa-lepas kita merdeka ini. Memang-lah perkataan² yang panjang² patut kita jadikan satu dan kita siasat dari segi bahasa dan dari segi rangkaian perkataan di-pandang dari segi ilmu ethnology. Kita katakan mithal-nya Pasir Gudang kita jadikan satu, Port Swettenham ini pun ada sejarah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut menimbangkan ia-itu ada-kah dua perkataan atau pun tiga. Ada makalah² yang menulis bahawa perkataan Port Swettenham ini dua sahaja, Port dengan Swettenham, Port itu Pelabohan; Swettenham ini nama orang Inggeris. Tetapi ada juga orang menulis bahawa perkataan Port Swettenham ini ada tiga perkataan asal-nya, ia-itu Sweet-Tan-Ham—daging² yang di-maniskan (*Ketawa*) di-bawa masuk melalui Port itu, maka terkenal-lah Port dengan nama itu, Ham is the name. Di-sini-lah datang-nya nama daging² yang di-maniskan melalui pelabohan itu. Ini pun patut, Tuan Yang di-Pertua, kita adakan penyiasatan kerana kita mengubah satu² nama, sa-bagai mana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Senator Ubaidulla tadi,

bukan sahaja di-lakukan kerana perkataan, tetapi mempunyai nilai sejarah dalam perkembangan kebangsaan kita. Dan kalau-lah sunggoh, Tuan Yang di-Pertua, bagi menutup ucapan saya ini, apa pelabohan yang mempunyai kepentingan nasional dan international seperti di-Johor itu akan dinamakan Pasir Gudang. Saya teringat sa-buah maktab atau pun sekolah di-negeri Kelantan ada menggunakan perkataan hero-nya ia-itu Maktab Kadir Adabi. Apa salah-nya kalau kita gunakan Pelabohan Kadir bagi negeri Johor itu. Sekian.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan saya menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Ubaidulla supaya kita mengingatkan nama² pejuang² kemerdekaan kita dalam menentukan satu² nama bagi satu² tempat yang penting terutama pelabohan dan sa-bagai-nya. Saya rasa chadangan yang di-keluarkan oleh Dato' Ubaidulla itu sa-patut-nya menjadi perhatian yang besar oleh Kerajaan dalam hendak menamakan satu² tempat, terutama-nya perkara² yang mustahak seperti pelabohan dan sa-bagai-nya.

Perkara yang kedua yang saya tahu daripada rakan sa-belah saya ini, ia-itu kita pakai Port Kelang ini, boleh jadi satu perkataan yang mengelirukan, kerana kata-nya dan sa-tahu saya pelabohan yang besar nama yang sama ia-itu Pelabohan Taiwan atau Formosa yang di-namakan Port Keelung. Port Keelung dengan Port Kelang ini, saya rasa, hampir sama Port Keelung. Jadi, orang di-sabelah Eropah, saya rasa, sangat keliru dalam menamakan surat² untok menghantarkan barang² ka-negeri² di-sabelah sini. Boleh jadi barang² yang hendak di-hantar ka-Port Kelang di-hantar ka-Port Keelung umpama-nya.

Ini satu masalah yang mengelirukan, tetapi oleh kerana Kerajaan telah memilih Port Kelang ini, saya rasa, sa-patut-nya benda yang boleh mengelirukan dengan satu² tempat yang besar seperti itu, nanti barang daripada negeri Inggeris hendak di-hantar ka-Port Kelang sampai kepada Port Keelung umpama-nya. Ini satu benda yang besar dalam perhatian, yang patut kita sangat chermat-lah dalam menentukan nama² ini. Apabila kita telah menaruh nama, sa-

bagaimana kata Dato' Ubaidulla itu, kita sudah menaruh nama, hendak mengubah nama itu mengambil masa bertahun²; hendak memperkenalkan satu² nama itu. Sa-belum kita menentukan nama itu patut-lah kita berchermat supaya tidak timbul kekeliruan dalam masalah ini.

Sekian sahaja. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberi keterangan bagaimana kekeliruan ini dapat di-elakkan dan kenapa boleh di-namakan satu nama yang boleh mengelirukan itu di-pakai oleh Kerajaan dalam negeri ini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya tidak bagitu tertarik sangat hendak berchakap dalam perkara ini, oleh kerana saya kira kechil hati sadikit, ada berasa kechil hati. Beberapa tahun dahulu saya menchadangkan supaya Pelabohan Kelang ini di-tukarkan nama-nya kepada Tun Perak kerana dia mempunyai dasar sejarah dalam perkembangan Negara Melayu yang besar, Negara Melaka, yang pada istilah-nya waktu itu bukan-lah Melaka seperti sekarang, tetapi Melaka itu luas. Sa-waktu ada Melaka itu tidak ada negeri Selangor ini, tetapi oleh kerana tertarik dengan ucapan Menteri kita yang berkenaan, yang mengemukakan Rang Undang² ini, jadi mahu-lah juga saya berchakap sapatuh dua kata.

Yang menarek perhatian saya, sebab yang Menteri berchakap tadi sedap sangat. Dari segi kebangsaan memang terlalu sedap, tetapi yang saya bacha di-dalam Rang Undang² ini berlainan dan jauh beza-nya. Sebab yang terjadi bagitu ia-lah dengan kerana Menteri kita mengemukakan dalam Bahasa Kebangsaan, dengan melupakan bahawa sa-nya ada yang tertentu yang telah termaktub dalam Rang Undang² ini perkataan bahasa Inggeris yang terpaksa di-kemukakan untuk pindaan kepada Rang Undang² yang dahulu-nya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini terlalu sadikit, hanya dua benda sahaja yang akan di-pinda daripada Akta ibu, ia-itu "Port Swettenham Authority" jadi "Kelang Port Authority" dan "Port Swettenham" jadi "Port Kelang", tetapi nama Rang Undang² ini sendiri "Akta Lembaga Pelabohan, 1963". Saya sedap mendengar apa yang di-ucapkan oleh Menteri yang berkenaan, tetapi berasa ganjil dengan bahasa rang undang² kita terus-menerus sampai tahun

1972 maseh bertelingkah antara satu sama lain.

Perubahan nama sa-patut-nya di-perlakukan terhadap pelabohan yang dahulu-nya di-kenali dengan nama penjajah kepada satu nama yang menasabah, dan kalau boleh ditinjau pendapat ra'ayat, itu ada-lah lebeh baik. Sebab, sesuatu yang mengenai national, yang akan di-kenalkan dalam sejarah negara harus di-gali, dan di-tinjau pendapat dan fikiran ra'ayat supaya itu menjadi kebangsaan bagi bangsa kita dan sejarah negara kita. Selalu berlaku dalam negeri kita ini benda² yang gopoh-gapah. Mithal-nya satu bunga yang tidak terkenal, kadangkala dia di-kenali mempunyai istilah lain seperti perempuan lachor telah kita ambil sa-bagai Bunga Kebangsaan. Ini semua-nya dilakukan dengan gopoh-gapah tanpa meninjau pendapat, tanpa meninjau fikiran bagi semua ra'ayat. Hasil-nya tidak ada rumah² yang berlumba² hendak menanam pokok Bunga Raya, sedangkan Bunga Raya itu merupakan Bunga Kebangsaan yang patut di-terima oleh seluruh nation sa-bagai Bunga Kebangsaan dan pokok² ini di-tanam. Tidak ada orang yang ingin hendak menanam-nya. Ini semua-nya di-buat kerana gopoh-gapah dan banyak lagi hal² yang lain, sa-hingga timbul dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini soal bendera kita, yang patut di-kaji sa-mula kerana bendera itu di-buat di-zaman penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menamakan pelabohan baharu ini pun kita telah menamakan Pelabohan Kelang. Tentu-lah kita terima kaseh atas kesungguhan daripada pehak Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Selangor yang telah berkenan dalam perkara ini, menamakan Port Kelang, tetapi dari segi national, pertukaran ini patut di-buat dengan nama yang bersejarah. Saya tidak keberatan kalau Kerajaan tidak menerima chadangan saya seperti di-namakan Pelabohan Tun Perak, tetapi boleh di-namakan dengan nama apa pun juga, yang dapat kita banggakan dan mempunyai ikatan dan perkaitan dengan sejarah yang chukop mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada Rang Undang² ini, apa salah-nya kalau pehak Kerajaan dalam membuat Rang Undang² ini, walau pun Rang Undang² ini hanya merupakan pindaan yang akan di-masukkan kembali kepada Akta Ibu tahun 1963. Apa-kah salah-nya pindaan itu langsung di-buat kepada perkataan "Pelabohan Kelang", gantikan kepada perkataan

“Port Kelang” dan “Lembaga Pelabuhan Kelang” gantikan kepada “Kelang Port Authority”. Kita langsung menggunakan bahasa Kebangsaan. Jangan segan². Kita tidak ada orang Inggeris yang akan marah. Kalau ada Yang Berhormat Senator kita sa-orang keturunan Inggeris pun, beliau orang Malaysia yang setia, yang tidak perlu kita bimbangkan beliau akan berasa kechil hati kalau kita menggunakan bahasa Kebangsaan sa-penoh²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya saya katakan saya gembira dengan ucapan yang di-sampaikan oleh Menteri yang berkenaan, tetapi ganjil dengan apa yang saya hadapi dalam Rang Undang² ini sendiri. Kita boleh menukarkan langsung menjadi “Lembaga Pelabuhan Kelang” dan menjadi “Pelabuhan Kelang” terus dan nama itu boleh di-kenali seluruh dunia. Tidak ada sebab nama ini tidak boleh di-kenali dengan nama Pelabuhan atas gantian dengan Port. Kita kenalkan nama pelabuhan, orang akan kenal, seperti orang kenal Kuala Lumpur, orang boleh mengenali-nya, asalkan kita perkenalkan mesti di-kenali oleh orang. Ada pun nama² di-dalam sa-tengah² negara, yang bukan Inggeris, tetapi memakai perkataan Port, ini ada-lah hasil daripada kekuasaan mereka, kekuasaan Inggeris, kekuasaan barat beberapa lama, yang menguasai laut dan daerah² di-dalam dunia kita ini. Itu-lah sebab-nya terjadi Port Said, Port Suez dan sa-bagai-nya kerana Mesir pernah di-jajah oleh Inggeris dan traditional itu berjalan terus-menerus dan kita tidak mahu memikirkan itu, kita boleh menukarkan itu. Sebab, kalau kita tidak sanggup menukarkan bagaimana perjuangan kita untuk menukarkan kedudukan yang kita katakan kawasan lautan kita harus 12 batu sedangkan International mengiktiraf hanya tiga batu. Ini menghendaki keberanian dan kesungguhan dalam memperjuangkan hak kita sa-sudah kita merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak menasabah hendak di-kekalkan dalam Rang Undang² negara kita sedangkan “Port Kelang” dan perkataan “Kelang Port Authority” sa-patut-nya sa-penoh-nya digunakan di-dalam bahasa Malaysia. Oleh kerana saya tidak mengemukakan sa-barang chadangan pindaan dalam waktu atau tempoh yang menasabah mengikut Peratoran Meshuarat maka saya berasa sangat dukachita yang saya tidak dapat menge-

mukkan sa-chara rasmi melainkan saya menarek pandangan Kerajaan seperti Ahli² Yang Berhormat yang lain juga berasa hal ini ada-lah hal yang sangat perlu di-semak dan di-kaji oleh Kerajaan bagi kepentingan seluruh negara dan kepentingan national atau sejarah-nya sendiri. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kaseh atas tegoran² dan pendapat² yang telah di-lafadzkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Saya rasa, mereka semua menerima chadangan daripada Kerajaan supaya nama yang di-chadangkan itu patut-lah nama yang berchorak Bahasa Kebangsaan. Malang-nya dalam Undang² Pindaan ini mengikut peratoran drafting yang meminda Undang² lama di-tulis dalam bahasa Inggeris, ia-itu pindaan kepada Undang² Akta ibu-nya hendak-lah sa-laras dengan Akta ibu-nya terpaksa-lah pindaan itu di-gunakan dengan Bahasa Inggeris.

Saya rasa, sa-hingga bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan, ini telah pun menjadi prektis, atau pun amalan dalam negeri ini. Dan tiap² Undang² yang dahulu memang-lah dalam bahasa Inggeris. Kerana itu-lah bahasa yang di-gunakan untuk membuat Undang² di-dalam Dewan² di-dalam negeri ini dahulu. Tetapi apakala kita timbangkan, apa akibat pindaan ini, maka saya rasa tidak payah-lah kita bimbang. Kalau kita katakan dalam Undang² Pindaan ini, Kelang Port Authority untuk sa-laras sa-bagai kata² sa-laras dalam Akta ibu itu bukan bererti-nya orang² Malaysia ini yang berbahasa Malaysia, yang menggunakan bahasa Malaysia, akan menyebut nama pelabuhan itu Port Kelang atau Lembaga-nya Kelang Port Authority, kerana mereka akan menggunakan bahasa Malaysia. Bagi kita terjemahan-nya Undang² lama inilah yang akan menjadi bahasa di-negeri kita. Mengapa kita tidak menggunakan bahasa Malaysia terus-menerus ia-lah sebab Akta ibu-nya di-tulis dalam bahasa Inggeris dan ini menyenangkan kerja menulis drafting.

Undang² ini ada-lah di-namakan Akta Lembaga² Pelabuhan, ia-itu bukan sahaja memasoki soal Lembaga Kelang, tetapi juga pelabuhan² di-tempat lain juga. Maka itu-lah sebab-nya kita nampak Port Authorities (in plural) di-sini dan untuk membedzakan Port Authority dengan pun Lembaga Pelabuhan di-tempat lain, maka Lembaga Pelabuhan Kelang di-namakan Kelang Port Authority.

Saya rasa, kalau-lah kita sebut dengan nama Pelabuhan Kelang dalam Undang² ini, ini tidak akan menghalang orang lain yang bukan berbahasa Malaysia menyebutkan Port Pelabuhan Kelang pula lagi. Ini boleh berlaku. Jadi kita mahu nama yang sa-benarnya. Kita boleh gunakan perkataan "port-kah", atau apa²-kah, mengikut pada bahasa kita sendiri. Ini tidak menjadi apa², asalkan nama pelabuhan itu nama dalam Bahasa Kebangsaan. Dan kalau orang Inggeris mengata Port, kata orang China saya pun tidak tahu, barangkali saudara² saya di-sini—Ahli² Yang Berhormat yang ada-sini—dapat memberi chadangan apa-kah erti-nya di-dalam bahasa China. Tetapi yang di-sebut-nya mesti Kelang. Kata² yang digunakan dengan port, mesti-lah "Kelang". Ini-lah sebab-nya saya ingin hendak menerangkan bahawa pindaan ini, kalau-lah di-bacha sa-bagai pindaan kepada Undang² yang mula²-nya di-tulis dalam bahasa Inggeris dan bagi orang dalam Malaysia ini, terjemahannya dalam bahasa Malaysia ada-lah lebeh luas di-gunakan daripada kata² original dalam Undang² ibu-nya.

Mengenai kekeliruan mungkin berbangkit dengan sa-buah pelabuhan di-Taiwan, sungoh pun daripada bunyi²an mungkin berlaku, tetapi kalau kita telek dengan dalam-nya pentadbiran orang² yang menjalankan kapal², orang² yang menjadi shipping agent, chara² sistem dia menandakan barang² itu dengan berchamponan A.B.C.-nya maka perkara ini tidak akan berlaku. Jadi tidak usahlah kita bimbang tentang soal kekeliruan ini akan berbangkit, kerana sistem mengirim barang mungkin akan menjelaskan di-mana barang itu patut di-punggah di-Kelang-kah atau pelabuhan Taiwan itu.

Saya bersetuju benar dengan pandangan² yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Senator Dato' Ubaidulla tentang menukarkan nama yang lama dan memberi nama yang patut kepada projek² yang baharu. Tetapi ini hendak-lah di-jalankan sedikit demi sedikit supaya tidak memberi satu gambaran yang extremist kepada negara kita ini dan supaya tidak juga menimbulkan kekeliruan di-kalangan orang² yang menggunakan tempat seperti pelabuhan kita ini. Chadangan patut di-timbulkan bertahun² dahulu supaya ada ura²-nya, sebelum kita buat official apa² chadangan kita seperti yang berlaku pada Pelabuhan Kelang ini. Sa-benar-nya dalam soal pertukaran

nama, Undang² ini hanya menyesuaikan pertukaran nama Lembaga itu dengan nama yang sudah di-tukar oleh pihak Kerajaan Negeri, kerana kuasa Kerajaan Federal hanya meliputi kawasan pelabuhan sahaja bukan atas wilayah yang di-namakan Pelabuhan Kelang. Wilayah itu ada-lah hak milek Kerajaan Negeri dan terletak kepada Kerajaan Negeri memberi nama yang di-fikirkan-nya. Sesuai sa-sudah mereka menukar nama itu, maka kita menyesuaikan diri kita menukar nama Lembaga mengikut dengan nama baharu yang sudah di-beri. Oleh sebab itu, saya rasa dalam soal Kelang ini, keputusan telah pun di-ambil. Kita hanya menyesuaikan diri kita sahaja atas nama Lembaga yang kita ada kuasa.

Soal nama Pasir Gudang itu terserah-lah kepada Kerajaan Negeri Johor sendiri akan menimbang-nya. Atas soal memberi nama² national hero kepada tempat atau pun pelabuhan, ini pada konsep-nya memang-lah baik, tetapi kalau mengenai nama orang yang maseh hidup, ini agak-nya sumbang sedikit, kerana memang-lah menjadi kebiasaan bahawa kita tidak akan memberi nama orang yang maseh hidup kepada tempat² yang besar, kerana sa-lepas orang itu meninggal dunia, baharu kita dapat meng-hakimkan (judge) character-nya itu chorak atau bentok perangai orang itu, dan apa-kah jasa-nya. Boleh jadi, sa-belum dia meninggal dunia, dia boleh bertukar chorak, kita pun tidak tahu. Jadi itu-lah yang menjadi prektis bukan sahaja dalam negeri ini, tetapi juga di-negeri lain yang tidak memberi nama kepada satu² tempat mengikut orang yang maseh hidup. Saya fikir itu-lah

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Untuk penerangan. Berkenaan dengan kuasa menamakan tempat itu, Menteri yang berkenaan berkata untuk memberi nama tempat ini ia-lah di-bawah kuasa negeri. Saya rasa ada kekeliruan sedikit. Ada-kah kuasa meletakkan nama sa-suatu tempat itu seperti satu² authority bukan satu² district tidak seperti Port Kelang Authority itu, ada-kah nama untuk meletakkan satu² authority itu di-bawah kuasa Kerajaan Negeri, atau pun di-bawah kuasa Kerajaan Pusat. Sebab apa yang saya fahamkan kuasa meletakkan nama ini di-bawah Kerajaan Persekutuan dengan di-bawa Undang² dalam Parlimen ini untuk meminda Undang² itu, bukan kuasa negeri. Kuasa negeri ia-lah memberi nama kepada daerah itu umpama-nya Kelang, tetapi

bukan-lah kuasa meletakkan nama pelabohan itu. Saya minta penjelasan yang lebih terang lagi tentang kuasa meletakkan nama itu.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kalau kita mengatakan Pelabohan Kelang itu merujuk kepada wilayah, district, atau pun kawasan itu, ini hak dan wilayah negeri (negeri Selangor) dan nama-nya mesti diberi oleh Kerajaan Selangor. Kita boleh memberi nama Lembaga dengan nama lain, tetapi tidak sesuai-lah kalau sudah ada nama Kelang Port, kita buat lagi nama lain Nik Hassan mithal-nya. Itu tidak sa-chuchok dengan tempat yang letak-nya Lembaga itu. Saya harap penjelasan itu sudah jelas atas perbezaan di-antara kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada perkara lain yang patut saya jawabkan. Sakali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LALULINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani supaya Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) di-bachakan bagi kali yang kedua.

Saperti yang di-nyatakan dalam Huraian Rang Undang² tersebut, Rang Undang² ini ia-lah untuk membolehkan Menteri berkenaan membuat kaedah berkenaan: (i) kuasa mewajibkan penunggang atau pun penumpang motosikal memakai topi keledar

mengikut taraf yang tertentu, dan (ii) kuasa mengawalkan penjualan topi keledar supaya dapat mengikutkan taraf yang akan di-tentu oleh Kerajaan.

Sebab² Rang Undang² ini di-kemukakan ia-lah:

- (i) motosikal ada-lah menjadi sa-bilangan besar daripada kenderaan² yang ada di-jalanraya² kita hari ini,
- (ii) jenis kenderaan ini-lah yang mudah terbabit di-dalam kemalangan. Dalam masa lima tahun yang lepas bilangan motosikal yang terlibat di-dalam kemalangan, hetong panjang ada-lah lebih kurang 21% jika di-bandingkan dengan semua jenis² kenderaan yang terlibat dan ini juga berma'ana lebih kurang sa-banyak 25% dari jumlah kematian di-jalanraya ada-lah merupakan kematian yang di-sebab oleh kemalangan yang melibatkan kenderaan motosikal.

Sebab utama berlaku-nya kematian di-dalam semua jenis kemalangan kenderaan ia-lah kechederaan kepala. Kejadian sa-umpama ini berlaku lebih 60% daripada semua jenis² kemalangan kenderaan dan ini juga menyebabkan lebih kurang 45% daripada kematian yang melibatkan penumpang² kenderaan. Di-kalangan penunggang² motosikal pula sa-banyak 70% kematian ada-lah di-sebabkan oleh kechederaan kepala.

Penyelidikan yang telah di-jalankan di-luar negeri membuktikan bahawa kemungkinan terbunuh-nya penunggang² motosikal yang terlibat di-dalam kemalangan pada tiap² sa-batu perjalanan ia-lah 17 kali ganda daripada pemandu² motokar.

Pengalaman di-negara² lain telah juga membuktikan bahawa kematian boleh dikurangkan dengan kegunaan topi keledar. Mithal-nya di-New Zealand semenjak undang² mewajibkan penggunaan topi keledar dalam tahun 1956 di-laksanakan, kadar kematian penunggang² motosikal yang menunggang motosikal selaju lebih daripada 30 batu sa-jam telah berkurangan daripada 23% turun kepada 11%. Dalam tempoh 12 tahun sahaja topi keledar telah menyelamatkan lebih kurang 800 nyawa penunggang² motosikal.

Di-Republik Singapura sejak undang² saperti ini di-kuatkuasakan pada 1hb Januari tahun lepas, kematian di-kalangan penunggang² motosikal telah berkurangan sa-banyak 57% bagi tempoh 5 bulan yang

pertama. Dari keterangan² yang di-berikan tadi maka jelas-lah bahawa Rang Undang² ini ada-lah sangat memberi faedah kepada penunggang² dan penumpang² motosikal itu sendiri.

Oleh itu untuk menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kematian di-kalangan penunggang² dan penumpang² motosikal, Kementerian Perhubungan ini menhadangkan pindaan kepada undang² Lalulintas Jalan 1958 untuk membolehkan Menteri Perhubungan membuat kaedah² mewajibkan penunggang² dan penumpang² motosikal memakai topi keledar. Kaedah² tersebut tidak akan di-kuatkuasakan dengan serta merta tetapi undang² ini ada-lah bertujuan untuk pertama kali dahulu-nya menggalakkan firma² topi keledar tempatan membuat topi keledar mengikut taraf Pusat Piawai Malaysia dengan harga yang berpatutan. Peratoran bagi mewajibkan penunggang dan penumpang motosikal memakai topi keledar ini akan di-kuatkuasakan sa-telah Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia mengadakan kempen sa-luas²-nya.

Dalam menyiapkan kaedah² tersebut Kementerian ini akan juga menimbangkan supaya mereka yang perlu memakai sa-buah tudong kepala mengikut ugama atau adat mereka masing², hendak-lah di-kechualikan dari kegunaan topi keledar tersebut. Demikian juga mereka² yang menggunakan kenderaan motosikal di-desa kerana keadaan ekonomi. Namun begitu kegunaan topi keledar di-antara mereka itu pun di-galakkan untuk keselamatan mereka sendiri.

Kementerian ini berharap dengan ada-nya undang² ini kelak, maka dapat-lah kita mengurangkan angka kematian di-jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya apa juga undang² yang hendak di-buat di-sini untuk menyelamatkan pemandu kereta, atau pemandu kenderaan, atau pemandu motosikal atau pengguna² jalan raya dengan lebeh² lagi, saya menyokong. Saya tertarek hati atau pun tersenyum rasa saya, bila saya mendengar berita² yang mengatakan ada kechualian yang boleh di-buat kerana undang² itu biasa-

nya kita ta' boleh kechualikan sesiapa pun tetapi nampak-nya orang yang terpaksa memakai serban nampak-nya boleh di-kechualikan. Nampak-nya saya pun ada peluang, tetapi bila saya dengar kata-nya perempuan², atau wanita² yang takut rambut-nya rosak itu pun hendak di-kechualikan, rasa saya sudah melampau² sangat dan mengada². Kalau kerana keelokkan mereka, kita semua terancam, rasa saya ta' patut sangat. Kita buat Undang² ini untuk kebaikan ramai, bukan sahaja untuk wanita² yang chantek, takut rambut-nya rosak, tetapi pada siapa² juga yang menggunakan kenderaan di-jalanraya. Saya berharap bila undang² ini di-kuatkuasakan perhatian untuk mengechualikan-nya mestilah di-pertimbangkan dengan sa-halus²-nya.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat penting dari segi Undang² ini, ia-lah bagi melaksanakan undang² ini. Bagaimana-kah hendak menguatkuasakan Undang² ini? Barangkali di-bandar², di-kota², rasa-nya soal ini tidak menjadi rumit sangat, kerana kita banyak mempunyai Polis Terafik, polis² yang menjaga lalulintas. Tetapi soalan yang penting, ia-lah di-luar kota, di-jalan² raya yang besar, umpama-nya trunk-road, kata-lah ambil jalan raya di-antara Kuala Lumpur, luar daripada Gombak sampai ka-Bentong. Jalan itu ia-lah jalan yang sebok, tetapi bagaimana-kah kita hendak menguatkuasakan atas sa-siapa yang tidak mengindahkan Undang² ini?

Tidak berapa lama dahulu Menteri Perhubungan ada berkata di-dalam Dewan ini, beliau akan mengadakan flying squad, dan malam dalam surat khabar ada mengatakan berkenaan highway patrol. Saya tidak tahu-lah sama ada flying squad, atau highway patrol ini sudah berjalan dengan betul.

Saya suka membuat satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya pada hari Sabtu yang lepas, ia-itu hari kelepasan 'am, di-Jalan Gombak-Bentong, satu kemalangan telah berlaku, tiga buah lori telah berlanggar dan menutup jalan. Jalan itu tertutup sampai 5 jam. Kereta daripada Bentong hendak ka-Kuala Lumpur pun ta' boleh lalu, daripada Kuala Lumpur hendak ka-Bentong pun ta' boleh lalu. Sa-orang Polis pun ta' datang. Inikah yang di-gelarkan flying squad? Agak saya, boleh kita gelarkan crawling squad. Inilah perkara pelaksanaan bagi menguatkuasakan undang² ini yang patut kita telitikan, jangan kita pandangan kepada bandar dan kota sahaja. Di-jalan² besar, di-situ yang

banyak berlaku kemalangan. Ini-lah perhatian saya terhadap undang² ini. Terima Kaseh.

Tuan Yeap Keng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan atas Rang Undang² Lalulintas (Pindaan) (No.2) ini. Pada pandangan saya, Rang Undang² ini ada-lah baik dan perlu kepada orang ramai, tetapi saya rasa, ada beberapa kerumitan yang akan timbul bagi orang² yang memandu dan menonggang motosikal apabila Rang Undang² ini dapat di-luluskan dan di-kuatkan Kuasa nanti dengan tiada apa² pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kematian bagi pemandu² atau penunggang² itu, pehak Kerajaan telah mendapat nasehat dari pehak² yang berkenaan dan membuat satu Rang Undang² seperti ini supaya pemandu² dan penunggang² itu dimestikan memakai topi keledar atau crash helmet apabila mereka naik motosikal di-jalanraya, bagi tujuan-nya untuk menjaga keselamatan supaya kepala mereka tidak luka dan menyebabkan kematian apabila berlaku pelanggaran di-jalan² raya. Ini, satu tujuan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai memakai topi keledar atau crash helmet itu, sungguh pun membolehkan orang² yang memandu atau penunggang² itu, mengurangkan kematian dalam kejadian pelanggaran². Kalau bernasib baik ta' menyebabkan kematian, tetapi kalau kaki dan tangan mereka itu patah, itu lebih baik dia mati terus.

Tuan Yang di-Pertua, kita manusia, bukan-lah suka, atau sengaja hendak mendapat sa-suatu kemalangan, atau melanggar dengan sendiri-nya atau pun kepada orang² lain. Kita semua sedar bahawa sa-suatu kemalangan berlaku bukan-lah dengan suka-rela. Biasa-nya berlaku dengan tidak sengaja dan oleh kerana malang melintang sahaja.

Ada juga beberapa pemandu² motosikal berjalan dengan sa-berapa laju-nya yang boleh dan apabila berlaku pelanggaran terus mati atau sa-tengah mati. Ini bukan-lah semua-nya salah mereka, hanya kerana salah pelajaran mereka yang tidak ada ilmu sivik. Oleh sebab itu, saya perchaya sivik bagi ra'ayat amat-lah perlu, atau penting terutama kepada pemuda² dan pemudi² kita pada masa sekarang. Dengan itu, baharu-lah kesopanan pemuda² dan pemudi² dapat di-tinggikan dari satu masa ka-satu masa, maka

mereka itu akan menghormati kapada atoran² keselamatan jalan² raya.

Ada-lah kebanyakan pelanggaran berlaku di-jalan² raya bukan sahaja di-sebabkan, motosikal bahkan termasuk kereta² sendiri atau private cars, teksi², lori² dan juga bas². Pelanggaran tersebut semua-nya berlaku dengan sebab pemandu²-nya tidak berhati². Di-sini saya fikir satu langkah yang boleh mengurangkan berlaku-nya pelanggaran itu ia-lah dengan chara menghadkan laju jalan kapada semua pemandu² kereta, termasuk-lah motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah bagi orang ramai bila mereka pergi ka-sasatu jamuan makan, kahwin atau kenduri di-restoran² dan di-mana² tempat, tempat meletakkan topi² keledar itu ada-lah juga menjadi satu persoalan yang rumit kerana beberapa puluh atau beberapa ratus topi tersebut susah mendapat tempat untuk menyimpan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penjualan topi² keledar itu, saya suka menhadangkan kapada Kerajaan supaya topi² keledar itu patut-lah di-buat dan di-jual oleh pehak Kerajaan sendiri dengan harga yang paling rendah kapada orang ramai supaya tidak mendapat keuntungan yang banyak atau tertinggi dari pemodal², atau kaum modal jika di-benarkan di-jual oleh mereka. Harga² topi keledar itu patut juga di-tetapkan dengan harga tetap sa-banyak \$5 sahaja sa-buah topi. Oleh yang demikian, orang² miskin baharu-lah mampu untuk membeli topi² keledar itu.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya menhadangkan juga kapada Kerajaan supaya topi keledar itu di-hadkan hanya di-gunakan oleh pemandu² atau penonggang² apabila mereka menaiki motosikal di-jalan² raya pergi ka-tempat² luar kota atau outstation sahaja dan ta' payah-lah di-hukumkan mereka memakai topi tersebut itu di-dalam mana² bandar kerana ada-lah bersangkutan dengan persoalan kerumitan² yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun, saya menyokong dengan sa-penoh²-nya kapada Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2) ini yang di-bawa oleh Menteri yang berkenaan tadi. Sekian, terima kaseh.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*)
Mr President, Sir, I rise to support the Road

Traffic Amendment (No. 2) Act of 1972. The Bill is most timely making it compulsory for persons driving or riding on motor-cycles to wear protective helmets. During the past few days the reaction in the Press from motor-cyclists has been mixed, but taking an objective view on the number of accidents—and in this case the Minister says 25% of the total—it is essential that such a Bill be passed for the protection of the riders and pillion riders and that the same be implemented as soon as possible. Several M.Ps. have in the Lower House called for exemption of the law for women, Hajis and Sikhs. Such an exemption would not be practical, and it would be in the interest of the Government to ensure that the law would be applicable to everyone without exception.

Whilst on this Bill, Sir, I would, if I may with your permission, refer to a statement appearing in the *Malay Mail* dated 30th May, 1972 purported to have been issued by the Penang Gerakan calling on the Government to make it compulsory for the insurance policy of a motor-cycle to be effective every time the motor-cycle is on the road, irrespective of who the rider may be, and I would take the liberty, Sir, to urge political parties that in issuing statements some homework should be done before such statements are issued.

Sir, with the coming into force of the Motor Insurance Bureau an agreement was entered into between all the Insurance Companies and the Motor Insurance Bureau, the effective date of which was on the 15th of January, 1968, whereby even in cases of a single rider clause in the insurance policy the Insurance Company concerned which issued the policy under this arrangement will now have to bear the loss suffered by the third party or the person who was knocked down. However, Sir, what is most important and which the Government should look into as soon as possible is the question of compulsory passenger cover in insurance policies for pillion riders of motor-cycles. Today all the insurance policies taken out by riders of motor-cycles do not have cover for the pillion riders. In accidents where only the motor-cycle is involved, for example if the motor-cycle skids off the road, then the pillion rider will not be able to recover damages at all from the rider as there is no insurance cover. And if there is an accident involving the motor-cycle and another motor-

car, but the motor cyclist is entirely at fault, then again the pillion rider would not be able to recover any damages as there is no insurance cover on the motor-cycles. The National Insurance, Sir, should take a lead in providing passenger covers for pillion riders as this would solve a lot of hardship for these people.

This Bill also provides for the helmets to be of a standard which would provide the users a reasonable protection. The Government should ensure that in the provision of such helmets they would also be cheap enough to be available to everyone. Thank you, Sir.

Dr Lim At Sitt: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise in support of this Bill, the Road Traffic Amendment (No. 2) Act, 1972 now under debate. The purpose of this Bill, as we know, is to enable the Minister to make rules to make it compulsory for persons driving or riding motor-cycles to wear protective helmets and to prescribe the standard helmets which would provide their users with reasonable protection in the event of an accident, thereby reducing their liability to suffer from serious head injury or fatality.

Mr President, Sir, from statistics available it has been shown that over 65% of motor-cycle accidents in which fatalities occur are due to head injuries and the victims usually die from shock, if it is severe shock, or fracture of the skull and inter-cranial haemorrhage, and that the road accidents happened far more often in the case of motor-cycles than in the case of other motor vehicles.

It has also been proved in developed and in other developing countries that with the use of proper protective helmets the fatality rate of persons driving motor-cycles who meet with accidents could be considerably reduced. Sir, in view of the present increase in the number of people using motor-cycles as a means of conveyance because of its rapid and convenient means of transport—and an overwhelming number of them are youths and students—the young, robust and hot-blooded adventurous youths who enjoy fast and speedy driving and many tend to become reckless and unscrupulous—it is no wonder that many more motor-cycle accidents are happening everyday. It is high time, Sir, that something effective must be done to curb or reduce the incidence of death

due to road accidents and to save the lives of many of the youngsters, the users of motor-cycles in case of accidents. I, therefore, urge that this Bill be passed straightaway and strictly enforced as early as possible without delay.

Mr President, Sir, the passing of this Bill alone would not help to decrease the number of road accidents although, as I said, it helps to cut down the fatality rate of motor-cycle accidents. Therefore, in conjunction with the passing of this Bill, we should stress that other measures should be taken and these measures are published by the Safety Campaigns as organised by the State Road Safety Councils which have been carrying out very good work all these years; and I would urge that these Safety Campaigns should redouble their efforts to educate the public on road sense and to drive carefully and to observe all the traffic regulations and that reckless and unscrupulous drivers of all motor vehicles be checked and appropriate action be taken.

Now, in this connection, we have read in some newspapers that some motor-cyclists are objecting to the passing of this Bill. I have got a cutting here from yesterday's *Straits Times* under the heading, "Helmets Are No Answer". It says here:

"Don't we motor-cyclists value our lives as much as the man behind the big wheel? Why force us to wear helmets? After all, many accidents are caused by reckless driving of lorry drivers and taxi drivers and other "big wheel" people. Please do not put the blame on the motor cycles for accidents. Most of the 4-wheel drivers are very impatient. They have no road sense or pity for the man on two wheels".

This is a cutting from the paper voicing protest against misuse of protective helmets. I will not say that helmets are no answer. It does help in case of accidents involving head injury. Of course, as I said, we should also check up all motor vehicles for reckless and speedy driving.

Sir, as regards the standards of protective helmets, I would stress that the manufacture of these helmets should not be monopolised by one or two firms; and it should conform strictly to the standards specified and the price of these helmets should be reasonable. I will not say we should fix it at \$5 because it depends on what materials are used and

the cost price to the manufacturer's may be more than \$5. You cannot say that the Government should limit it to \$5. But the price should be reasonable and within the reach or the means of an average motorist. That is one reason why the motorists are putting up complaints—because they have got this additional burden to buy a helmet which might cost so much and the inconvenience caused to them especially in the case of ladies and people with turbans and all that. Sir, with regard to the case of ladies, a law is a law and I think if we want to protect people from the bad effects of accidents, the helmet should also be used by the ladies. After all, the ladies belong to the more delicate sex, and I think if they meet with an accident, their skull would not stand up better than that of the men (*Ketawa*) and it is for their own good and safety that they should wear protective helmets even though it may disturb their hair and appearance. So, I do not think this House should exempt women or even people with turban from wearing protective helmets. It is for their own safety.

Now, we come to the question of implementation of this Bill. As one of the Members just now has remarked, it is easy to control it within a city or a town, but it is not so if you are on the highway and especially at night. So, it is a question of implementation: how are you going to implement it effectively. Mr President, Sir, allow me to quote in connection with the safety of road traffic one other aspect and that is the menace or danger to public road safety due to lack or absence of illumination or lighting on vehicles travelling at night and by this I mean:

- (1) The parking of vehicles at night without lights, such as lorries and cars. Not long ago an accident happened because of a lorry being parked at night on a highway without light and a serious accident happened.
- (2) The bicycles used by kampong folks at night are without any light or lamp in the dark hours of the night. I think my colleagues will agree with me that while we are driving on the highway, we are often being confronted by the menace of cyclists travelling at night on the highway without any light or lamp whatsoever and sometimes they go two or three abreast and even keeping to the centre of the road.

This danger is more obvious when you consider the fact that motorists on the highways are travelling at high speed. There is no speed limit on the highways and it is, therefore, most difficult for any motorist to pull up at once when suddenly they are confronted by some dark objects coming very near to your car or even dashing across your car. I do not understand why the Police have not taken any action about these cyclists travelling without light. I think all of you will agree with me that in every part of Malaysia you go, you can find cyclists travelling at night without light.

For the sake of road safety and to minimise road accidents, I wish to recommend the following measures to be taken by the authority/authorities concerned. Firstly, I would suggest that the Licensing Officer of the Traffic Department or the local authority concerned in the issuing and renewing of bicycle licences should see to it that bicycles are fitted with proper lamps, not only with a front lamp but a refractor or, better still, a small red lamp at the back of the bicycle, which I understand involves a very small cost and this is what is being done in developed countries like Australia and others. These bicycles must be lighted when travelling at night.

Secondly, campaigns by all State Road Safety Councils must be held to infuse into the minds of the villagers the importance of observing traffic regulations—for example, to have their bicycles lighted when travelling at night—in order to safeguard their own safety and the safety of other travellers.

Lastly, I think the Traffic Police should enforce the regulations by conducting regular night patrols not only in the urban areas but in the rural areas as well, and any offender for the first time should first be advised and cautioned before any legal action is taken.

Mr President, Sir, in conclusion, I wish to say that I wholeheartedly support this Bill. Thank you.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyatakan sokongan saya yang penuh kepada Rang Undang² Akta Lalulintas (Pindaan) No. 2. Saya perchaya ini-lah satu Rang Undang² yang di-tujukan untuk mengurangkan kechederaan yang parah kepada penonggang² motosikal. Dengan

ada-nya Rang Undang² sa-umpama ini dan kalau sudah di-jadikan undang² kelak, maka agak-nya tentu-lah kurang kemalangan² yang berat kepada penonggang² motosikal. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kadang² saya rasa agak dukachita topi keledar ini memang-lah boleh mengurangkan kalau pechah kepala pun barangkali ada-lah kurang, hanya yang membimbangkan kita kegemaran sa-tengah anak² muda terutama-nya penonggang motosikal, tidak-lah semua, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu mereka ini sa-tengah²-nya memang nampak daripada gaya tidak takut langsung mati. Mereka ini berani berlumba² walau pun di-tengah² jalan yang sebok, mereka ini boleh kita nampak terutama sa-kali yang naik berdua², kalau yang bawa girl friend pun barangkali sa-rupa juga-lah. Dengan kerana itu-lah, saya rasa, tidak tahu-lah saya apa pula chara yang boleh mengubat atas kegemaran penonggang² motosikal ini yang biasa menimbulkan atau mendatangkan pelanggaran baik dengan motokar atau pun dengan orang² menonggang basikal. Ini biasa kita tengok yang boleh di-katakan tiap² hari ada kemalangan yang sa-umpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menhadangkan kepada pehak Kerajaan ia-itu mengadakan satu atoran, atau pun undang² dan ini mesti-lah di-enforcekan dengan ketat supaya penonggang² motosikal hanya-lah di-benarkan membawa sa-orang pillion sahaja dan dengan ini berma'ana-lah tidak di-benarkan membawa anak² kechil. Dan saya biasa melihat, Tuan Yang di-Pertua, anak² kechil di-bawa ka-atas motosikal diselitkan di-antara kedua ibu bapa-nya, ada sampai dua orang pun ada, maka ini, saya rasa chukop-lah merbahaya kepada nyawa kanak². Jadi patut-lah pehak Kerajaan di-samping menyuroh pakai topi keledar umpama ini memandang juga perkara ini sa-bagai satu masaalah besar, kerana kalau di-biarkan juga membawa pillion lebeh dari sa-orang ma'ana-nya di-benarkan membawa kanak² kechil ada yang kechil sangat dua tiga bulan dan bagitu juga kepada yang berumur dua tahun, kadang² kanak² ini sudah tidor dan di-bawa bagitu jauh, maka ini terlalu merbahaya pada pandangan saya.

Kemudian lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada lagi juga yang mendatangkan kemalangan² jalan raya saperti lori² mempunyai head lamp yang terlampau tinggi, dan ini saya rasa boleh menyilaukan mata dan

sentiasa menimbulkan orang yang di hadapan tadi terlalu kena chaya lampu yang bagitu tinggi, maka ini juga patut-lah pehak Lalulintas mengambil perhatian.

Saya tidak hendak berchakap panjang dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja bagi menyatakan sokongan saya di atas Rang Undang² ini. Terima kaseh.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini, sungguh pun sudah terlampau lewat di-kemukakan kepada Dewan ini. Di-dalam Bill ini chuma membolehkan Menteri yang berkenaan menjadikan wajib bagi orang² memandu, atau menonggang motosikal memakai topi, tetapi tidak di-sebutkan apa kesalahan dan denda bagi orang² yang melanggar undang² ini. Ada-kah amaran sahaja akan di-beri dan saya berharap kepada Menteri akan memberi penerangan dan penjelasan pada kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka menerangkan baharu² ini dimana saya terbaca dalam *Straits Times* ia-itu Pegawai Lalulintas Daerah Kuala Lumpur telah memberi amaran ia-itu sa-siapa yang menaruh kereta di-tempat yang tidak di-benarkan maka pemandu itu akan di-denda sa-banyak \$25.00. Maka saya berharap tindakan ini akan di-kaji semula, kerana dalam pendapat saya, denda sa-banyak \$25.00 itu terlampau tinggi. Tiap² manusia ada membuat silap dan ada yang terlupa, maka saya menhadangkan sa-siapa yang membuat silap itu, di-beri amaran sa-banyak tiga kali dan baharu-lah di-denda sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Pegawai Lalulintas itu. Membuat undang² ada-lah senang, tetapi kita mesti bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan menaruh kereta ini, saya meminta Kerajaan Pusat menimbangkan ia-itu membuat jambatan di-sungai yang ada terbentang di-Kuala Lumpur ini, Sungai Kelang; kita tahu terbentang di-Kuala Lumpur. Saya menhadangkan dan saya minta pada Kerajaan supaya di-buat jambatan di-atas Sungai Kelang itu untuk menaruh kereta² dan juga bagi orang² lalulintas, kerana pada masa ini, saya perhatikan di-Kuala Lumpur ini tidak ada chukop lagi tempat menaruh kereta, maka jika di-buat jambatan di-atas Sungai Kelang yang terbentang di-bandar Kuala Lumpur ini akan

dapat menaruh kereta dan juga dengan hasil membuat jambatan itu boleh dapat balek chukai² daripada penaruh kereta. Ini juga mengharumkan bandar Kuala Lumpur dan juga akan membanyakkan hasil untok di-kutip pada penaruh² kereta. Ini-lah sahaja pandangan saya. Saya menyokong Bill ini dengan sa-penoh-nya. Terima kaseh.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² yang di-bentangkan dalam Dewan yang sedang di-bahathkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenderaan motosikal ini ia-lah satu kenderaan yang sangat merbahaya, kerana kenderaan ini berdiri atas dua roda, bukan-nya sahaja melanggar bahkan tayar depan pamchet boleh juga jadi merbahaya. Dan kenderaan ini boleh di-pandu dengan sa-laju²-nya bagaimana kenderaan motokar yang kita pandu kerana dia tidak mengikut keadaan horse power, dia boleh di-pandu sa-berapa laju.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah dengar daripada penerangan Menteri tadi, ia-itu banyak kemalangan² yang membawa maut, tetapi kalau di-tinjau detail kemalangan ini yang banyak membawa maut datang-nya ada-lah daripada orang yang manompang di-belakang motosikal, kerana orang yang manompang belakang motosikal ini tidak ada tempat bergantung dan kenderaan ini sangat laju. Maka biasa-nya orang memandu itu selamat dan orang yang menompang kebanyakan mati apabila dapat kemalangan. Di-sini patut-lah Kerajaan mengkaji balek samula—penonggang² motosikal jangan di-benarkan orang menompang di-belakang. Kalau di-benarkan sa-kali pun hendak-lah di-adakan tempat pemegang di-belakang supaya orang yang dudok di-belakang itu selamat. Ini satu daripada-nya, yang saya dapati dari pengalaman saya sa-lama memerhatikan keadaan² penonggang² motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua-nya apabila hendak meluluskan driving licence, sa-lain daripada mengenali signal², sign board, selekoh dan sa-bagai-nya maka sa-patut-nya Kerajaan mengadakan tata-tertib memandu kenderaan ada-lah salah satu daripada kelulusan undang² untuk meluluskan driving licence mereka ini. Saya dapati kadang² orang yang memandu motosikal ini, tambahan

pula yang muda² pada hari ini, mereka itu memandu kenderaan-nya sangat merbahaya, tetapi sa-balek-nya kami yang memandu kereta yang berasa takut kerana kedudukan tata-tertib memandu kenderaan itu mengikut lorong² yang kecil—zig-zag, potong-memotong dan sa-bagai-nya. Maka kami terpaksa berhati² dengan chukop chermat memandu kenderaan supaya jangan terantok. Tuan Yang di-Pertua, patut-nya dalam salah satu daripada undang² meluluskan driving licence ini kepada kenderaan motosikal hendak-lah mereka itu lulus dalam memandu tata-terbit menggunakan jalan raya.

Yang ketiga-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati banyak motosikal memakai handle rugged. Ini pun sangat merbahaya kerana saya tidak tahu di-mana keelokkan rugged itu dan saya tengok rugged ini memang susah hendak di-pandu kerana hendal-nya tegak sa-macham itu. Jadi, ini pun satu perkara yang merbahaya kepada penonggang² motosikal. Kalau-lah perkara ini di-biarkan sa-macham itu dengan tidak ada tahu sekatan undang², maka perkara ini tentu-lah akan berlanjutan kematian dalam memandu motosikal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan di-sini supaya motosikal ini hendak-lah di-adakan satu insurance bagi memandu, pendek-nya menyelamatkan nyawa-nya—pillion-rider, sa-bagaimana kenderaan kita motokar, kita pun ada insurance nyawa kita sendiri serta motokar, yang mana telah sudah, nampak-nya orang yang memandu motosikal ini tidak ada insurance langsung. Ini ada-lah salah satu daripada-nya patut di-utamakan dan lagi satu patut juga-lah kenderaan ini di-adakan satu undang² memakai tali-pinggang keledar supaya tali-pinggang itu dapat menyelamatkan, boleh-lah di-ikat belakang atau di-buatkan tempat menyandar-nya dan boleh di-ikatkan di-situ.

Ini pun satu daripada chara atoran supaya di-adakan bumper getah di-hadapan motosikal itu, untuk protect daripada accident ini. Perkara ini patut juga-lah dapat di-pertimbangkan supaya kita dapat menyelamatkan kematian yang begitu ramai. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya berkenaan dengan undang² ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, soal di-hadapan kita sekarang ini

ia-lah mengadakan satu peratoran atau Rang Undang² (Pindaan) bagi membolehkan mengawal keselamatan nyawa ra'ayat di-negara kita.

Rang Undang² ini, kalau hendak di-fahamkan terpaksa kena refer kepada penerangan baharu yang ada di-sini, di-tunjokkan di-sini, Sekshen 73 (1). 49/58. Ini satu daripada perkara yang memerlukan sa-tiap orang Senator mempunyai Secretary. Kadang² tidak sempat hendak mempelajari. Kalau sa-kira-nya ada Secretary dan dapat di-pelajari hal ini, tentu tahu hukoman sa-banyak mana yang akan di-kenakan. Dia memang berkait di-situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan dan menyokong kuat-kuasa-nya Rang Undang² ini, oleh kerana dia sangat perlu, tetapi saperti yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat sa-belum saya tadi, undang² ini sahaja tidak chukop untuk mengawal keselamatan manusia² yang menonggang motosikal atau apa pun juga, kechuali ada hal² lain yang di-turuti sama, terutama bagi penonggang motosikal yang nakal, yang tidak nakal itu tidak mengapa, yang nakal perlu ada didekan dari segi moral supaya bertata-tertib. Dengan jalan itu, keselamatan beliau dan keselamatan orang lain dapat di-kawal di-jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan kechelakaan jalan raya, atau kemalangan di-jalan raya hal² ini boleh berlaku dengan berbagai² sebab. Satu kemalangan boleh berlaku kalau sa-orang penonggang motosikal atau siapa sahaja, baik yang berjalan kaki pun tiba² terkena kemalangan jalan raya oleh kenderaan lain. Mungkin dengan sebab kesilapan, atau kechuaian beliau terkena kemalangan, atau pehak² yang satu lagi yang mengtobros dia, melanggar dia, kerana kechuaian mereka itu, atau oleh kerana orang mabok, di-luar perhitongan dia, dia langgar semua, atau oleh kerana driver² yang lelaki yang terlalu tidak dapat mengawal diri-nya bila menengok kechanteakan kaum hawa yang muda, dengan mini-skirt dan sa-bagai-nya, selalu membawa kepada kechelakaan² jalan raya. Ini termasuk penonggang motosikal yang kebanyakannya muda² dan kemalangan² jalan raya juga boleh berlaku kerana kechuaian pehak Kerajaan sendiri.

Mithal-nya sa-orang penonggang motosikal yang berjalan, yang menggunakan motosikal-

nya di-jalan raya, jalan raya yang dia ikut membayar chukai jalan, jalan itu ada lobang. Hanya beberapa kaki daripada lobang itu baharu dapat di-lihat. Kalau dia berek sekali pun dengan berek itu melambungkan dia dan siapa yang bertanggung-jawab atas kechelakaan itu; jalan raya yang dia membayar chukai, road tax-nya dia bayar. Dia kena kemalangan kerana kechuaian Kerajaan. Perkara ini tidak pernah timbul. Jadi, dalam soal kemalangan Kerajaan juga ikut bertanggung-jawab. Ada kala-nya Kerajaan menyebabkan kechelakaan² kepada orang yang menggunakan jalan raya sedangkan mereka membayar chukai.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pada 23hb yang lalu saya balek dari Kelantan ka-Kuala Lumpur. Saya menempoh satu kemalangan yang saya bershukor kahadrat Allah Sub nahu wa Ta'alla, saya maseh hidup—skidding. Kereta sudah skidded, kereta sudah berpusing² di-jalan raya. Akhir-nya terhumban, belakang turun dahulu, terlanggar batu², meletup tangki. Tangki minyak-nya pecah dan ini pada hemat saya tidak akan berlaku kerana saya lari tidak lebeh daripada 40 batu satu jam, kerana hari sudah hujan. Kerana corner-nya, selekoh-nya itu tidak mirip. Dia sa-patut-nya singit sedikit, membolehkan cornering itu berjalan dengan baik, tetapi oleh kerana dia tidak singit, padahal tempat ini ada-lah tempat yang di-ma'alom oleh pihak Kerajaan, khusus-nya pihak Polis, kejadian kemalangan sering kali berlaku, ia-itu dua batu sa-belum Karak dari Kuantan dan dua batu sa-belum Karak dari Kuala Lumpur. Tiap² kali kemalangan berlaku di-sini dan saya pun beringat benar, berhati², tetapi kalau kemalangan itu datang dia tidak berbau dan pada hemat saya kalau corner itu tidak begitu keadaan-nya, dia singit sedikit, tidak akan berlaku kemalangan itu. Ini bererti kechuaian Kerajaan, tetapi Alham dulillah Amaluddin maseh boleh berchakap di-dalam Dewan Negara ini, kenderaan-nya sahaja tidor.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita berchakap tentang keselamatan penunggang² motor. Kita mahu supaya mereka memakai topi keledar. Kita dapat perangkaan (statistics) dari beberapa buah negeri yang lain, kita pelajari, hasil daripada pelajaran itu-lah kita membuat Undang² bagi negara kita tetapi terlalu lambat. Hal ini pihak Kerajaan telah berchakap bertahun², bukan tahun 1972 sa-belum itu kita telah dengar

pehak Kerajaan berchakap tentang menggunakan topi keledar kepada penunggang² motosikal, jadi sa-patut-nya sudah lama. Singapura telah memulakan pada 1hb Januari tahun ini. Australia telah mulakan beberapa tahun menyebabkan mereka telah menyelamatkan beratus² jiwa. Kita tahu, tetapi kita baharu hendak mulakan dan mula pun belum tentu bila hendak kuat-kuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya ramai lagi orang yang mati sa-belum kita kuatkuasakan, ini juga erti-nya tanggung-jawab dan kechuaian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mahu melaksanakan-nya dia tidak-lah semudah kita menjaga motokar² dalam bandar, sebab berkeliaran kenderaan ini di-jalan² di-luar daripada bandar² dan dengan sebab itu terdapat bermacam² motosikal berjalan bagitu deras atau basikal yang berjalan tidak menggunakan lampu merah di-belakang dan ini sangat merbahaya pada sa-tiap kali berseliseh motokar, kalau waktu malam, erti-nya yang kita sa-belah kiri ini tidak dapat melihat basikal, kechuali batu-nya ada. Ini tidak boleh di-buat melainkan kalau ada polis dan polis tidak boleh menunggu tiap² tempat di-jalanraya atas pelaksanaan-nya. Bagaimana pun, apa yang boleh kita buat ada-lah baik supaya kita buat bagi muslihat orang ramai sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya kira Kerajaan patut mengadakan peratoran sa-tiap penjual motosikal sa-waktu motosikal itu di-jual mesti di-sertakan dua topi keledar, kerana pada motosikal itu ada dua tempat duduk dan harga-nya di-satukan dengan harga motosikal, jangan-lah di-ambil kesempatan menaikkan daripada itu, kechuali kalau orang yang hendak beli hanya topi keledar sahaja hendak-lah di-bawah harga-nya dengan harga yang menasabah supaya tidak terlalu membebangkan penunggang² motosikal ini yang mesti membeli topi keledar.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarek perhatian kepada soal motokar. Kerajaan juga memang suka menggalakkan, kalau sa-kira-nya ra'ayat yang memandu kereta atau yang menumpang kereta menggunakan tali pinggang keledar, tali pinggang itu menyelamatkan nyawa. Pernah di-tunjokkan di-talivishen kaedah²-nya dan chara² yang boleh membawa keselamatan, tetapi Kerajaan tidak mengadakan peratoran sa-tiap motokar yang di-jual ada tempat untuk di-pasang tali pinggang,

tetapi tidak ada tali pinggang, kalau mahu beli kena-lah membayar extra \$35. Mengapa mereka menjual motokar tidak mahu di-sekalikan dengan tali pinggang di-motokar itu sendiri dan ini patut di-adakan peratoran kerana barang itu tidak mahal, tidak sampai \$35, tidak sampai \$20 saya perchaya ia-nya boleh tempatkan di-situ. Kerajaan patut mengawasi dalam perkara ini. Satu² kompani motokar atau kompani motosikal memasokkan barang yang di-jual spare part, dia boleh meletakkan harga sa-tinggi²-nya mengikut yang saya tahu dari puncha yang boleh di-pertanggung-jawabkan, satu barang spare part yang di-masokkan untuk satu motokar itu di-letakkan harga 120% keuntongan, kemudian baharu di-tolak kapada wakil²-nya 20% keuntongan erti-nya 100% dia memang memegang keuntongan, kita mahu tidak mahu terpaksa membeli spare part kita kalau mahu motokar kita berjalan. Kerajaan patut mengawasi, ini ada-lah soal monopoli.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengechualian (exemption) pehak Menteri yang mengemukakan Rang Undang² ini telah menyebutkan ada pengechualian ia-itu kalau orang memakai serban dan mungkin kalau perempuan, tetapi saya rasa orang² ini tidak harus di-kechualikan. Kalau pak² haji dia boleh memakai kopiah puteh-nya dan serban-nya di-ikat di-leher-nya nampak macham cowboy boleh terus pakai topi keledar. Kalau sa-kira-nya orang² Sikh itu Kerajaan harus menentukan dahulu, ada-kah serban yang di-pakai-nya itu walau pun besar kalau motosikal-nya terbalek serban-nya itu tidak terpelanting. Kalau dapat diyakinkan serban itu tidak terpelanting dan tidak membahayakan kapada nyawa-nya baharu-lah di-benar di-kechualikan. Kalau boleh terpelanting serban-nya itu, patut di-buat special topi keledar untuk di-sesuaikan dengan serban itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya soal wanita atau lelaki memakai topi keledar ada-lah perlu dan tidak timbul masalah menjaga kechanteakan dan sa-bagai-nya, kerana ini ada-lah masalah keselamatan. Di-samping itu, saya ulangi lagi, saperti yang pernah di-sebutkan oleh rakan² saya tadi bahawa tidak chukop dengan ini sa-mata², kita hendak-lah membantu pembentokan moral supaya tidak berlaku sewenang² di-jalanraya sa-hingga menimbulkan perasaan kechiwa melihat bangsa kita sendiri ber-keliaran sa-bagai samsing² walau pun mereka

bukan samsing² yang sa-benar-nya di-jalanraya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tangguhkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas (Pindaan) (No. 2).

Tuan Yang di-Pertua, jika kita kaji Akta ini tujuan yang besar-nya ia-lah hendak mengelakkan sa-berapa daya upaya yang boleh daripada mendapat kemalangan yang besar, tetapi di-sini saya suka memberi pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sa-kira-nya sa-saorang yang hendak memandu kereta, hendak belajar bagi mendapatkan lesen mesti-lah ada sa-orang yang telah lulus memandu kereta di-sabelah kiri-nya, tetapi orang yang hendak membawa motosikal dia beli motosikal di-bandar, dia boleh terus membawa-nya, chuma dengan membayar \$20 untuk belajar memandu dan dengan tidak ada tahu di-mana berek, di-mana clutch dan lain² lagi.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada pergi ka-universiti atau tempat² lain, beribu² motosikal atau scooter. Mereka ini boleh belajar di-mana tempat sa-kali pun, sama ada di-bandar, di-tempat² yang banyak kereta lalu-lalang dan juga di-tempat² di-mana murid² sekolah keluar masok, di-hospital di-mana banyak orang² sakit berjalan lalu-lalang di-situ. Ini sangat merbahaya. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan satu perkara yang sa-macham ini berlaku, untuk orang² yang baharu mula² hendak belajar membawa motosikal mesti-lah jauh daripada bandar dan di-tempat² yang lengang atau pun di-padang di-mana ta' ada orang² berjalan atau pun kereta lalu-lintas. Kerana mereka itu ta' ada orang yang hendak mengajar memandunya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita mesti-lah berikhtiar sa-daya upaya bagaimana chara yang patut kita buat boleh

soal keselamatan bukan sahaja kepada orang yang memandu motosikal itu, bahkan juga orang² yang berjalan kaki di-tepi² jalan. Orang² yang memandu kereta yang mempunyai lesen pun hendak kita selamatkan. Pada fikiran saya mesti-lah di-sekatkan orang² yang memandu motosikal ini ia-itu ada tempat², jalan yang boleh di-lalui dan ada tempat jalan yang tidak boleh di-benarkan dia menggunakan jalan itu.

Kalau-lah kita perhatikan orang yang memandu motosikal itu kurang takut daripada orang yang membawa kereta, yang ada mempunyai lesen, pemandu² yang mempunyai lesen dan orang yang berjalan kaki itu lebih takut kepada orang yang membawa motosikal ini. Begitu-lah keadaan yang telah berlaku di-serata tempat. Jadi sa-patut-nya Kerajaan menchari ikhtiar atau pun menggunakan satu tindakan menyekat sa-takat mana yang ada mempunyai c.c. umpama-nya berapa c.c yang boleh membawa orang di-belakang dan sa-tengah daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan-nya orang sahaja di-bawa, ada sa-tengah-nya di-bawa bakul, menjual ayam, menjual sayur dan bermacam² barang dengan tidak ada sekatan langsung. Ini sangat merbahaya. Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kasih atas pendapat² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat. Sa-benar-nya chadangan² yang telah di-kemukakan, saya fikir akan memberi banyak menafa'at kepada pehak yang menimbang dan menchari jalan² untuk menambahkan keselamatan di-jalan raya, terutama sa-kali dalam Kementerian dan dalam Majlis Keselamatan Jalanraya. Saya akan kemukakan chadangan² yang baik itu kepada Kerajaan dan kepada Majlis Keselamatan Jalanraya.

Dalam menimbang bagaimana hendak mengechualikan satu² pehak, maka pandangan² yang telah di-zahirkan tadi tentu-lah akan memberi faedah kepada Kerajaan dan sa-belum kita mengambil keputusan atas pehak² yang akan di-kechualikan dan patut di-kechualikan, maka kita akan kajikan sadalam²-nya supaya kita dapat menjamin keselamatan yang chukop kuat bagi penumpang² dan penunggang motosikal sambil menghormati perasaan halus mereka seperti

keperchayaan ugama dan adat mereka. Ini dasar yang kita pegang pada masa sekarang. Dalam soal menterjemahkan dasar itu, maka perbinchangan yang lebih mendalam akan di-jalankan di-Kementerian nanti.

Terlebih dahulu saya ingin mengatakan bahawa langkah yang di-ambil oleh Kerajaan dengan mewajibkan penggunaan topi keledar ini bukan-lah satu langkah keselamatan yang lengkap belaka dan bagi menggantikan adat resam di-jalan raya atau pun tata-tertib di-jalan raya. Dalam bahasa Inggeris-nya saya katakan: This measure of giving safety helmet is no substitute for courtesy and caution on the road. Kerana saya anggapkan bahawa tata-tertib dan jimat-chermat di-jalan raya-lah menjadi asas kepada keselamatan kita menggunakan jalan raya. Ini ada-lah satu principle yang asas dan patut-lah kita ingatkan bahawa apa² langkah yang di-buat oleh Kerajaan ada-lah minimum measures sahaja atau kalau pun kita buat kesalahan² (offences), ini hanya minimum measures sahaja dan pelaksanaan atau pun kuat-kuasa-nya tidak akan menchapai darjat atau pun taraf yang penghabisan tinggi dalam menchapai keselamatan di-jalan raya. Dengan pengertian itu, maka soal pelaksanaan langkah² yang ingin di-jalankan oleh Kerajaan di-bawah pindaan undang² ini hendak-lah di-timbangkan sa-bagai tambahan daripada apa yang saya kata mengenai tata-tertib dan jimat-chermat tadi. Pelaksanaan ini pun terbatas seperti yang telah berlaku di-dalam menjalankan Undang² Lalulintas Jalan menerusi road traffic offences. Kita ada-lah terhad dalam capacity atau daya upaya kita daripada segi banyaknya polis yang ada dalam perkhidmatan Kerajaan kita. Mithal-nya di-luar² bandar tidak ada Kerajaan pun yang mampu hendak menempatkan sa-orang anggota polis, mithal-nya dalam tiap² dua batu, atau tiga batu, kerana ini ada-lah keadaan yang kita mesti terima, a reality of life. Yang sa-benar-nya ia-lah pengguna² jalan raya sendiri patut sedar bahawa keselamatan mereka memang-lah dalam tangan mereka sendiri. Kerajaan hanya chuba hendak mengurangkan kesalahan² yang mungkin berlaku di-jalan raya dan pelanggaran² ada-lah perlu menegok adat keselamatan di-jalan raya. Walau bagaimana pun kita tidak dapat mempunyai 100% enforcement sistem jalan raya kita sendiri. Dengan sebab itu dan dengan sebab volume of traffic di-luar bandar tidak begitu

banyak, maka pada permulaan-nya kawasan di-luar bandar akan di-kecualikan dahulu.

Sebab yang ketiga telah pun saya sebutkan. Ia-itu bagi kita memaksa ra'ayat di-luar bandar hendak membeli topi keledar pada mula²-nya mungkin akan menyebabkan kesu-sahan kepada mereka, sambil bahaya bagi mereka ada-lah kurang daripada bahaya di-dalam bandar di-mana (terafik) lalulintas ada-lah begitu berat.

Dalam soal menjamin supaya mutu atau pun taraf topi keledar ini akan chukop kuat, maka mana² kilang yang akan membuat topi keledar ini akan di-kawal oleh Pengarah Pusat Piawaian Malaysia, siapa yang akan memberi satu certificate yang menyatakan bahawa satu² topi itu telah memenohkan syarat² yang di-letak oleh Kerajaan dengan sample check atau pemer-iksaan sa-kali-sekala Pengarah Pusat Piawaian Malaysia akan datang dan akan memeriksa topi keledar itu supaya di-buat dengan sa-chukop taraf-nya, kalau tidak kita akan tolak. Ini saya kata bukan akan memberi 100% quality control (ta' ada barang yang ada 100% quality control) tetapi dengan sample check dan random check, yang demikian saya rasa taraf topi keledar ini dapat kita kawalkan dengan sa-chukop-nya.

Mengenai berapa banyak kilang dapat membuat topi keledar ini, saya rasa susah bagi saya hendak menentukan di-sini. Kalau-lah bilangan topi keledar ini begitu banyak di-gunakan oleh ra'ayat dan boleh memberi justification supaya lebeh daripada sa-buah kilang boleh di-buat bagi mengeluarkan topi keledar, kita memang-lah lebeh suka mengelakkan keadaan yang boleh memberi satu monopoli. Tetapi kalau keadaan tidak meng-izinkan, maka kita terpaksa-lah menyuruh hanya sa-buah kilang sahaja membuat topi keledar itu. Sambil itu, kita chuba hendak mengawalkan taraf tadi dan sunggoh pun kita tidak mengawal, tetapi chuba memberi satu desakan, supaya harga² topi keledar ini tidak akan terlampau tinggi, kerana kita pun sedar bahawa topi keledar ini ada-lah akan di-beli oleh orang yang tidak mempunyai wang yang banyak.

Mengenai perkara ada-kah tidak kesalahannya, kalau orang melanggar undang² saperti yang akan kita timbulkan dengan pindaan ini, ini dengan sa-chara otomatik-nya akan di-liputi oleh undang² ibu, ia-itu

non-compliance atau pun tidak memenohi syarat unda²ng² atau melanggar satu² syarat di-bawah Undang² Lalulintas Jalan ini, akan menjadi satu kesalahan di-dalam undang² ibu itu. Jadi sa-siapa yang melanggar syarat ini tentu-lah akan melakukan satu kesalahan, ia-itu kesalahan yang am.

Perkara² yang lain sudah-lah saya semak Dato' Yang di-Pertua, chadangan² lain yang tidak meminta apa² jawapan daripada saya. Saperti saya katakan tadi, chadangan² ini saya akan kemukakan pertama sa-kali kepada Road Safety Council atau pun Majlis Kese-lamatan Negara supaya mereka lebeh tahu apa-kah perkara yang benar² berlaku, terutama sa-kali di-luar bandar, dan bagaimanalah keselamatan jalan raya dapat ketat lagi di-kawalkan. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamah: Tuan Pengerusi, ada sedikit perkara yang saya hendak terangkan di-sini ia-itu muka 2, per-kataan "officer". Di-sini di-kehendaki certificate yang di-beri yang di-tandatangani dan demikian bunyi-nya :

“. to be signed by the Director or any officer.”

Saya rasa perkataan "Officer" ini patut-lah kita ikatkan satu tidak sebarang pegawai kerana dalam menentukan topi itu sama ada protective atau pun tidak, kita berkehendakkan satu signature, atau pun satu keterangan daripada pehak Standards Intitution of Malaysia. Kita dahulukan dengan Director-nya, kemudian daripada itu kalau Director tidak ada, siapa pun tidak apa. Sa-patut-nya mesti-lah di-tarafkan sama pegawai (officer) itu dengan Director sa-olah² yang kita kata-kan "hendak-lah di-tandatangani oleh OCPD atau pun mata² biasa", jadi jauh sangat badza-nya itu.

Kemudian, Tuan Pengerusi, oleh kerana certificate itu akan merupakan *prima facie*

proof ia-itu se-kurang²-nya membuat bagi ia atau pun tidak, kedudukan kenyataan topi itu, maka kita tegaskan di-sini Director atau pun pegawai itu tidak payah di-panggil untuk cross examination. Ini-lah sebab-nya officer yang hendak menurunkan tandatangan itu mesti kita tentukan pangkat²-nya, atau pun kita katakan any authorised officer atau sa-siapa-kah, kerana tandatangan atau kenyataan daripada-nya akan merupakan kenyataan yang memberatkan, ma'ana dia sa-sudah tiga suku evidence di-situ.

Kemudian, Tuan Pengerusi, apabila kita katakan Director atau pun pegawai itu tidak payah hadir untuk di-tanya, atau di-cross examinationkan dia, kita tidak pula kechualikan kalau Mahkamah fikir oleh sa-suatu sebab, maka di-panggil ini the interest of the justice. Ini, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak payah, sebab ini satu masalah lain in the interest of justice. Ini bukan mesti kenamengena dengan hal topi keledar sahaja. Ini satu masalah lain kita boleh panggil sa-siapa pun. Saya rasa mengaitkan kedudukan justice sendiri dengan law, regulation atau pun rules yang sa-macham ini, saya rasa sa-olah² kita hendak masukkan undang² tinggi dengan undang² rendah itu dengan tidak memberi perhatian yang lebeh jauh. Ini bukan-lah saya tidak hendak meminda, tetapi saya meminta, kalau boleh-nya, Peguam Negara tolong-lah memberi faham kepada saya dalam perkara ini.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap Fasal 2 perenggan baharu (r). Saya hendak meminta kepada Menteri yang berkenaan supaya di-bawakan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya dengan sa-berapa segera supaya di-bawa satu perenggan tambahan kepada perenggan yang ada ini supaya di-masokkan satu perenggan baharu mengharamkan penggunaan exhaust pipe yang bising yang di-pakai oleh motosikal dan juga handle² yang tinggi bagaimana rakan saya yang berchakap tadi. Saya ingat kita boleh mengadakan satu perenggan baharu menambahkan perenggan yang ada ini, tetapi Majlis Keselamatan Jalan Raya boleh menimbangkan chara mana pengharaman itu boleh di-buat, sebab sekarang kita berchakap dan menimbangkan satu undang² untuk menyelamatkan si-penonggang. Tetapi dalam perkara motosikal ini bukan si-penonggang sahaja yang patut kita selamatkan dia ada

hubungan pula dengan orang ramai. Biasanya si-penonggang ini dia tidak peduli orang ramai itu hendak tidor-kah, atau hendak dudok dengan diam. Kalau dia ada exhaust pipe yang bising itu, sa-berapa bising dia boleh tekan dia tekan sa-hingga anak kechil ta' boleh tidor itu pun, dia akan tekan sa-berapa yang kuat. Kalau dia boleh tekan, dia berlumba dengan motosikal lain sa-hingga begitu bising yang boleh mengganggu ketenteraman orang ramai. Dalam undang² ini kita ada undang² yang tidak boleh menggunakan alat² bising, melainkan mesti mendapat lesen terlebeh dahulu, kalau hendak main muzik di-tengah jalan raya yang boleh mengganggu ketenteraman orang ramai, kenalah mendapat lesen daripada polis. Tetapi kalau sa-kira-nya menggunakan motosikal dengan exhaust pipe yang bising sedikit itu tidak payah-lah mengambil kebenaran daripada polis. Dia bising sedikit itu dengan tidak payah mengambil kebenaran polis dengan berator beberapa orang yang ada membuat bising dalam bandar itu, dalam pekan itu, dengan suara yang begitu nyaring. Saya rasa perenggan baharu yang lebeh baharu patut kita bawa kepada Majlis Jalan Raya bagaimana chara-nya kita boleh haramkan penggunaan exhaust pipe yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan juga handle² yang tinggi yang tidak boleh menyelamatkan penonggang² itu sendiri. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya bangun juga untuk menyampaikan hasrat sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah yang telah menyentoh satu dua perkara.

Yang pertama-nya berkenaan dengan perkataan Director or any officer of the Standards Institution of Malaysia. Saya menearangkan di-sini, pegawai atau officer Standards Institution of Malaysia itu tentu sa-kali yang boleh mengeluarkan certificate yang telah di-aku² oleh Director yang bertanggung-jawab dalam perkara ini, bukan-lah sebarang pegawai sahaja. Mithal-nya kerani pun pegawai juga dalam Standards Institution of Malaysia, tetapi di-bawah Director itu ada banyak yang lain saperti Deputy Director atau Assistant Director, semua itu di-gelar pegawai. Sunggoh pun tidak dia di-katakan authorised by, itu saya perchaya, kalau ada pun pada masa Director itu tidak ada masa, maka pegawai daripada Standards Institution of Malaysia yang akan mengeluarkan

certificate itu tentu-lah orang yang cukup kelayakan-nya yang diakui oleh Director. Bagitu juga seperti perkataan Public Prosecutor tetapi Deputy Public Prosecutor itu meliputi sakalian Malaysia tidak berm'ana Deputy Public Prosecutor itu berkuasa atas mengeluarkan semua perintah² berkenaan dengan perbicharaan dan lain² mengikut-lah atas pengalaman dan kebolehan—ada sekatan-nya.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, the Court considers the cross-examination to be necessary or desirable in the interest of justice. Di-sini bagi sa-orang peguam yang lain yang ada hadir di-Dewan ini tentu cukup faham ma'ana itu. Sa-kira-nya katakan-lah ada satu certificate daripada pegawai yang bukan Director dan sa-orang peguam yang membela itu tidak berpuas hati bahawa certificate itu boleh jadi dia tidak berapa faham, maka dia boleh bermohon ka-Mahkamah dengan hujah² mengatakan dan meminta kalau hendak di-panggil pegawai daripada Standards Institution of Malaysia itu datang ka-Mahkamah supaya dapat di-cross examination oleh peguam yang membela-nya dan kalau di-fikirkan oleh Hakim yang membicharakan atau Majisteret itu ada-lah baik atau demi kepentingan keadilan bagi kedua pihak, maka berhak di-panggil, itu digelar-nya ada-lah necessary, mustahak atau di-kehendaki, ma'ana-nya desirable demi kepentingan keadilan. Itu terpulang-lah kepada timbang tilek atau keputusan pengadil atau Hakim yang membicharakan itu. Itu-lah penerangan yang dapat saya beri.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi. Saya akan mengkaji atas perkara ini.

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² MAHKAMAH (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya suatu Rang Undang² bernama "suatu Akta bagi meminda Ordinan Mahkamah, 1948" di-bacha bagi kali yang kedua.

Sa-belum Akta Mahkamah Keadilan, No. 7 tahun 1964 di-kanunkan, undang² yang berhubung dengan keanggotaan dan kuasa² Mahkamah Besar dan Mahkamah Rendah di-Malaysia Barat ada-lah terkandung dalam Ordinan Mahkamah No. 43 tahun 1948. Berikutan dengan penubohan Malaysia, Akta Mahkamah Keadilan telah di-kanunkan dalam tahun 1964 bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah² Tinggi. Mahkamah² ini mengambil alih kuasa² yang dahulu-nya terletak hak pada Mahkamah Besar yang terdiri dari Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Akta itu telah di-mansokhkan peruntukan² Ordinan Mahkamah yang berhubung dengan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi; Mahkamah Rendah ada-lah terus di-selenggarakan dibawah Ordinan Mahkamah, 1948.

Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah² daripada kuasa² yang di-beri oleh Ordinan itu pada Mahkamah² Rendah ada-lah terkandung dalam suatu Jadual kepada Ordinan itu, bertajok "Jurisdiction of the High Court" (Bidangkuasa Mahkamah Tinggi). Jadual ini telah di-mansokhkan semua sa-kali oleh Akta 7 tahun 1964; nyata-lah bahawa sa-tengah² daripada peruntukan²-nya yang berkenaan dengan Mahkamah Rendah tidak sa-patut-nya di-mansokhkan. Fasal 4 Rang Undang² ini memasokkan sa-mula peruntukan² itu mulai dari tarikh ia-nya di-mansokhkan ia-itu pada 16-3-1964. Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membetulkan perkara yang kesalahan itu. Peluang ini diambil untuk membuat pindaan² kecil tertentu yang di-fikirkan sangat perlu sa-belum sa-suatu chetakan semakan (revision) Ordinan itu di-keluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang² itu meminda taarif "Registrar" ("Pendaftar") bagi memasokkan Timbalan Pendaftar dan Penolong Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar. Kedua² jawatan ini telah di-adakan sa-lepas Ordinan itu di-kanunkan.

Fasal 3 meminda sekshen 54 bagi menentukan siapa-kah Yang di-Pertua Mahkamah Seshen yang boleh meminta rekod² dari mahkamah² rendah dan dari mahkamah² mana-kah yang ia boleh meminta rekod² itu. Sa-bagaimana kedudukan sekshen itu sekarang, sa-saorang Yang di-Pertua Mahkamah Seshen boleh meminta rekod² dari mahkamah² yang terta'alok di-luar

and Section 55 of the Advocates and Solicitors Ordinance, 1947 never allowed lawyers from East Malaysia to appear in any courts in West Malaysia. What the law allows is to appear only in Federal Courts in West Malaysia, but even then only in certain cases. Similarly, West Malaysian lawyers are allowed to appear in Federal Courts sitting in East Malaysia. All these are provided in the relevant laws. I would give an example, Sir. If a case is tried by the High Court in Sarawak and then there is an appeal to the Federal Court, and that case is listed to be heard by the Federal Court in Kuala Lumpur, then the law allows the lawyer from Kuching to come over here and appear and argue in Kuala Lumpur in the Federal Court for such a case, and *vice versa* if a case were to start from West Malaysia and to be heard, say, in Kota Kinabalu Federal Court or at Kuching.

Clause 12, Sir, amends section 17A to make it clear that the Lord President shall convene a Council of all the Judges once at least in each year and that a Council of Judges of the High Courts may be convened by the respective Chief Justices as and when necessary.

Clause 15 amends paragraph 9 of the Schedule to exempt from seizure and sale in general terms any property that may be made exempt by any written law.

Clause 8, Sir, repeals section 14 enabling lawyers from East Malaysia to appear in courts in West Malaysia; provision for this now exists in the Advocates and Solicitors Ordinance, 1947. Clause 16 repeals existing provisions of the law transferred to the Act by Clauses 9, 13 and 14.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Dato' Yang di-Pertua, kebiasaan-nya bila dua orang peguam berhujah berkenaan dengan perkara undang² biasa-nya dia tidak bersetuju. Mula²-nya tadi ada juga saya tidak hendak bersetuju dengan Rang Undang² ini, tetapi sa-telah mendengar penjelasan yang di-buat oleh Peguam Negara, saya menyokong Rang Undang² ini.

Barangkali perkara yang rasa saya menimbulkan kekeliruan ia-lah berkenaan dengan Fasal 8 Rang Undang² ini. Saperti yang

telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi, huraian yang di-beri berkenaan dengan Fasal 8 ini tidak-lah begitu tepat. Ma'ana-nya bukan-lah memansokhkan Sekshen 14 itu untok membolehkan loyar² daripada Malaysia Timor hadir dalam mahkamah² di-Malaysia Barat. Ini, sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, tidak-lah benar kerana kalau tidak salah saya mengikut Perjanjian Malaysia dahulu peguam² yang di-iktiraf di-Malaysia Barat ini tidak biasa-nya berhak hadir di-Mahkamah Tinggi di-Malaysia Timor, tetapi berhak hadir di-Mahkamah Persekutuan di-Malaysia Timor. Begitu juga peguam² yang di-iktiraf di-Malaysia Timor berhak hadir di-Mahkamah Persekutuan di-Malaysia Barat.

Kedudukan ini telah pun kita mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara. Sunggoh pun Sekshen 14, Akta Mahkamah Keadilan, 1964 itu telah pun di-mansokhkan sekarang, rasa saya, kuasa yang di-beri kepada peguam² di-Malaysia Barat untok menghadhiri Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi ini terletak di-dalam Undang² Peguam yang ada sekarang ini, ia-itu Advocates and Solicitors Ordinance, 1947. Rasa saya sekshen yang tepat bagi-nya ia-lah Sekshen 55 (1) di-dalam Advocates and Solicitors Ordinance, 1947.

Saya sedar juga, Dato' Yang di-Pertua, bahawa undang² ini tidak akan di-kuatkuasakan sa-hingga 1hb November, 1972, ia-itu kita ada masa lagi sa-belum berjalannya kuat-kuasa undang² itu. Saya perhati juga, Dato' Yang di-Pertua, bahawa Undang² Peguam yang ada sekarang ini tidak-lah begitu kemas. Banyak perkara² yang patut di-bereskan. Umpama-nya Sekshen 55 (1), yang saya sebutkan tadi. Itu pun patut di-baikkan lagi. Kalau dapat keizinan Dato' Yang di-Pertua, saya hendak bachakan sedikit di-sini. Ini oleh kerana undang² ini di-buat pada tahun 1947, zaman Malayan Union dahulu. Banyak perkara² yang belum di-betulkan lagi, sunggoh pun dari sa-masa ka-samasa ada undang² yang membetulkan-nya. Di-sini dia mengatakan:

“Practitioners shall, subject to the provisions of any written law, have the exclusive right to appear and plead in all Courts of Justice in the Malayan Union. . . .”

Perkataan "Malayan Union", rasa saya sepatutnya di-betulkan. Rasa saya barangkali ada undang² yang telah membetulkan, menggantikan daripada "Malayan Union" kepada "Federation of Malaya" sa-belum di-tukarkan kepada "Malaysia". ". According to the law enforced in such courts as between themselves shall have the same rights and privileges without differentiation." Barangkali sa-masa mengkaji Undang² Peguam yang baharu ini, mungkin kita kajikan juga kedudukan sama taraf di-antara Peguam² di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor.

Sekarang ini nampaknya Peguam² di-Malaysia Timor tidak boleh menjadi peguam² di-Malaysia Barat oleh kerana salah satu sebabnya ia-lah Undang² yang ada sekarang ini ia-itu Advocate and Solicitors Ordinance. Kerana di-Malaysia Barat sa-orang itu tidak boleh di-aku² menjadi peguam kalau mereka tidak mendapat sekian² kelulusan. Kelulusan yang di-iktiraf di-Malaysia Barat ada-lah berbedza dengan yang di-iktiraf di-Malaysia Timor—Sarawak atau Sabah sa-orang graduate daripada University Australia, atau New Zealand boleh di-terima sa-bagai peguam. Di-sini tidak di-benarkan, kerana peruntukan telah di-buat di-bawah Undang² yang ada sekarang ini. Mungkin sa-masa kita mengadakan Undang² baharu kelak perkara itu patut-lah di-kaji, oleh kerana kita ini di-bawah satu bendera, satu negara tidak ada-lah patut kita bedza²kan sangat. Perkara ini boleh dapat kajian dengan teliti di-antara pehak² yang berkenaan di-Malaysia Barat juga di-Malaysia Timor.

Sekian-lah, Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan dalam Rang Undang² ini, terima kasih.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan satinggi² terima kasih kepada Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin. Sa-betulnya saya bawa huraian dan pindaan kepada huraian tadi ia-lah datang-nya daripada dia sendiri, sebab itu-lah saya dapat bersedia lebeh dahulu. Saya mengucapkan terima kasih atas segi itu.

Yang kedua-nya berkenaan dengan Advocates and Solicitors Ordinance tahun 1947 sa-bagaimana kata dan peguam² yang ada hadir di-sini sedar ia-itu undang² baharu ini maseh dan sedang di-kaji dan di-gubal

oleh Persatuan Peguam² Melayu di-Kuala Lumpur ini atau pun Jawatan-kuasa-nya, dan rasa saya sudah hampir siap dan apakala Rang Undang² itu di-kemukakan kepada saya dan akan saya bawa kepada Jemaah Menteri perkara² yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin berkenaan dengan membolehkan peguam² antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor itu menghadhiri mana² mahkamah dalam seluruh Malaysia patut di-timbangkan. Undang² Advocates and Solicitors Ordinance itu ia-lah Undang² yang menjaga segala peratoran kepentingan profession kepada Peguam. Sebab itu-lah Kerajaan pulangkan dan serahkan kepada pehak peguam menggubalkan kemudian di-serahkan balek kepada Kerajaan. Sebab kalau di-gubal oleh Jabatan saya, boleh jadi terok pula dan dia tidak puas hati dalam perkara itu, sedang di-kaji pada masa itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 16—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, tadi kita telah dengar keterangan² yang di-beri oleh Peguam Negara dan sa-orang Senator yang kedua²-nya peguam. Ahli² yang laymen pun ada di-beri peluang juga unto² menegor peguam² kita ini sama ada peguam² yang rasmi dalam Kerajaan atau pun kebetulan sa-bagai Peguam, dia juga sa-bagai Ahli Senate sa-bagaimana saudara kita Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin. Apa yang saya hendak minta daripada Yang Berhormat Peguam Negara kita, tolong-lah kalau boleh Rang Undang² yang kena-mengena dengan urusan² mahkamah dan keadilan, atau Rang Undang² yang baharu di-kemukakan di-dalam Dewan ini sekurang²-nya sa-minggu dahulu, atau dua minggu dahulu supaya orang² layman ini dapat-lah peluang turut membacha-nya, tidak-lah dudok dalam

Dewan ini mendengar dua tiga orang lawyer sahaja berchakap bagitu bagini dan kita pun tidak tahu dari segi mana dia ambil. Mithalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjukkan bagaimana Peguam Negara kita tidak kasehan kepada orang lain, bukan hendak menyembunyikan, mithalnya kita tengok dalam muka 2 Clause 4 (b):

“4. (b) dengan memasokkan perkataan “writs” sa-lepas perkataan “All””

Ini pun, Tuan Pengerusi, dia sudah churi di-situ, lepas “writs” mesti ada koma di-situ, kalau tidak, dia bertelagah dengan perkataan kemudian yang ada di-hadapan-nya itu. Ta'kan “All writs” kemudian tidak ada lagi, kalau saya tidak silap.

Tuan Pengerusi, ada satu kertas di-sini, All writs, summonses, warrants dan berbagai² lagi jadi dia tidak bertulis juga di-situ. Ini satu bukti bahawa Peguam Negara kita kalau boleh²-nya biarlah orang lain ini jangan tahu supaya chepat kita meluluskan Undang² ini. Ini tidak patut, kerana kita dalam Dewan tertinggi patutlah di-pimpin oleh orang² yang professional dan di-beri peluang pula kepada orang² yang tidak professional. Kalau kesemua orang² yang ada dalam ini professional belaka, kachau-lah Dewan ini mengikut kaedah yang pernah di-katakan oleh Peguam Negara kita.

Lagi satu Fasal 5 dalam Rang Undang² ini menyatakan: “. . . in which registries of the High Court are situate. . .”. Mana cherita-nya itu. Saya bersekolah Arab, jadi grammar Inggeris-nya kalam-kabut hendak di-fahamkan. Kalau kita tambah ‘d’ di-situ elok sadikit. Jadi ini-lah chara²-nya yang saya minta Peguam Negara ini tolong chermat dalam perkara ini supaya faedah itu dapat menyelaras kepada semua orang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat itu. Walau pun beliau bukan peguam tetapi dia rajin menchari-nya, tertinggal koma dan lain²-nya dan saya ucapkan terima kaseh. Bagi saya sendiri ada-lah terang dan nyata memang tidak ada masa hendak menchari-nya sa-macham itu.

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang²

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Probet dan Pentadbiran Pesaka, 1959 dan bagi memperluaskan kuatkuasa Ordinan itu sa-bagaimana yang di-pinda, ka-semua bahagian Malaysia di-bacha kali yang kedua.

Rang Undang² ini bertujuan, Tuan Yang di-Pertua, untok meminda Ordinan Probet dan Pentadbiran Pesaka Persekutuan Tanah Melayu tahun 1959 dan untok memperluaskan-nya dalam bentok-nya yang di-pinda supaya berkuatkuasa di-seluruh Malaysia.

Probet dan Pentadbiran Pesaka ia-lah suatu perkara Persekutuan menurut butiran 4 (e) dalam Senarai Perundangan Persekutuan Malaysia dan ada-lah di-ingini untok di-pinda dan di-perluaskan ka-Malaysia Timor Undang² Malaysia Barat atas perkara itu yang mengandongi Ordinan Probet dan Pentadbiran Pesaka No. 35 tahun 1959 dan Ordinan Pembahagian Harta Pesaka Kechil No. 34 tahun 1955. Suatu Rang Undang² bagi meminda dan memperluaskan Ordinan yang tersebut kemudian itu ada juga di-bentangkan dalam Majlis ini. Sabah telah bersetuju dengan perluasan undang² ini dalam bentok-nya yang di-chadangkan itu. Sarawak telah bersetuju dengan perluasan itu pada prinsip-nya, tetapi telah meminta tempoh untok menimbangankan butir² berbuhong dengan pemakaian undang² itu kepada harta pesaka bumiputra yang akan di-selenggarakan di-bawah Ordinan Pembahagian Harta Pesaka Kechil negeri itu.

Fasal 2 memperluaskan Ordinan Probet dan Pentadbiran Pesaka tahun 1959 ka-Malaysia Timor dan Fasal 3 membolehkan Menteri menetapkan tarikh² yang berlainan bagi mula-nya berkuatkuasa Ordinan itu di-Sabah dan di-Sarawak dan bagi membuat apa² ubahsuaian yang di-fikir-nya perlu dalam menguatkuasakan Ordinan itu di-Sarawak. Kuasa yang tersebut kemud²an itu ia-itu untok mengubahsuaikan Ordinan itu boleh di-jalankan hanya sa-kali sahaja ia-itu apabila Ordinan itu di-kuatkuasakan. Dan ini pula hanya bagi maksud membuat apa² ubahsuaian yang di-fikirkan perlu oleh Menteri berikutan dengan apa² ubahsuaian

yang di-buat kepada Ordinan Harta Pesaka Kechil, 1955 apabila di-kuatkuasakan di-Sarawak Ordinan tersebut kemudian-nya. Suatu perundangan dahulu bagi semua ini ada dalam sekshen 119 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmiek Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang² ini menambah suatu sekshen-kecil baharu ia-itu 9 (3) untuk mengadakan peruntukan supaya sa-saorang yang telah di-sampaikan kapada-nya sendiri suatu notis mengenai pembicharaan berhubung dengan pemberian perwakilan tetapi tidak hadir atau tidak menfaikan atau menghantar apa² bantahan di-sifatkan sa-bagai telah menolak hak perwakilan. Pindaan ini di-buat oleh kerana kelambatan yang timbul untuk penyelesaian guaman pentadbiran pesaka di-sebabkan oleh tidak hadir-nya dalam pembicharaan orang² yang menuntut sa-bagai penerima hak faedah.

Fasal 5 menjelaskan suatu keraguan dalam sekshen 35 (2) dan membolehkan supaya penjamin² tidak perlu di-adakan dan supaya jaminan dalam bon jaminan mengenai bon pentadbiran pesaka itu di-kurangkan.

Fasal 6 memindahkan kapada Ordinan itu peruntukan² sekshen 105 Ordinan Mahkamah No. 43 tahun 1948 berserta dengan pindaan² bagi membolehkan Pendaftar² Mahkamah² Tinggi dan bagi maksud ini termasuk-lah mejistret kelas pertama membicharakan, memutuskan permohonan² berkenaan dengan pemberian pentadbiran pesaka. Dalam bentok asal-nya peruntukan ini memberikan kapada Pendaftar² kuasa untuk menguruskan harta pesaka bernilai tidak lebih dari \$5,000. Had ini di-naikkan kapada \$25,000 sa-laras dengan kenaikan yang di-chadangkan hendak di-buat kapada nilai harta pesaka kechil di-bawah Ordinan Pembahagian Harta Pesaka Kechil tahun 1959.

Suatu lagi pindaan kapada peruntukan ini ia-lah supaya jaminan bagi bon pentadbiran pesaka mengenai harta pesaka bernilai tidak lebih dari \$10,000 tidak perlu di-adakan kechuali jika penerima hak faedah itu ia-lah sa-orang kanak² atau jika pendaftar menghendaki dengan khas-nya supaya jaminan di-adakan. Angka yang dahulu ia-lah chuma akan memberi kelegaan yang sangat² dikehendaki kapada golongan² kaum yang lebih miskin dan kebanyakan di-luar bandar.

Fasal 7 menaikkan nilai harta pesaka yang boleh di-tadbirkan supaya di-urus oleh pegawai pentadbir pesaka daripada \$5,000 kapada \$25,000, dan memperuntukkan suatu achara bagi melepaskan harta yang bernilai tidak lebih dari \$250 yang mungkin ada dalam milek-nya dan Fasal 8, berikutan dengan Fasal 7 menaikkan daripada \$5,000 kapada \$25,000 nilai harta yang berkenaan dengan Pegawai Pentadbir Pesaka di-kechualikan daripada memberi notis pembahagian.

Di-sini, saya suka hendak menyatakan sedikit berkenaan dengan tugas² Pegawai Pentadbir Pesaka. Pegawai Pentadbir Pesaka ada mempunyai kuasa² tertentu di-bawah Ordinan Probet dan Pentadbiran yang boleh di-gunakan oleh-nya bagi faedah orang² yang mendapat kesukaran dalam perkara² berhubung dengan probet dan juga pentadbiran atau administration pesaka. Tugas-nya ia-lah hanya untuk memperlindungi kepentingan penerima hak faedah dan orang lain yang ada mempunyai tuntutan terhadap harta pesaka sa-saorang si-mati. Umpamanya dia boleh mengambil milek harta untuk menjaga, jika sa-kira-nya hak faedah tidak ada hadir itu yang boleh jika ada kelambatan atau kesukaran bagi memohon atau mendapatkan surat² mentadbir pesaka atau letters of administration mengambil alih pentadbiran pesaka² sa-chara terus mengenai harta pesaka yang kechil nilai-nya dan mengeluarkan permohonan kapada mahkamah dalam hal² yang lain. Dia juga ada mempunyai jentera pentadbiran yang chekap dan mudah di-dapati bagi menjalankan permohonan kapada mahkamah bagi mentadbirkan harta pesaka si-mati. Dia juga hanya mengenakan bayaran nominal, bayaran yang kechil bagi perkhidmatan-nya itu. Mahkamah tidak berkehendak jaminan jika surat mentadbir pesaka di-keluarkan kapada Pegawai Pentadbir. Dan penanggohan boleh di-dapatkan bagi membayar duti atau chukai harta pesaka itu. Nampak-nya kerja Pegawai Pentadbir Pesaka dari estet ini hanya pada masa ini di-ketahui sedikit sahaja oleh ra'ayat di-negeri kita ini. Walau bagaimana pun baharu² ini dalam bulan yang lepas saya telah lihat, Tuan Yang di-Pertua, banyak kali-lah Pegawai Pentadbir Pesaka ini telah memberikan siaran² di-akhbar memberitahu kapada ra'ayat jelata kemudahan² yang telah saya terangkan kapada Dewan ini.

Fasal 9, Tuan Yang di-Pertua, mengadakan peruntukan supaya kumpulan wang yang tidak di-bahagikan yang kurang daripada \$50 dan yang masih tidak di-tuntut yang ada di-dalam tangan Pegawai Pentadbir Pesaka bagi tempoh lebih dari 3 tahun di-selenggarakan mengikut chara yang dinyatakan dalam Akta Wang Tidak Di-tuntut No. 74 tahun 1965. Ini bermakna bahawa sa-lepas 3 tahun Kumpulan Wang itu akan di-tutup dan jumlahnya akan di-masukkan ka-dalam Kumpulan Wang Di-satukan. Bagaimana pun wang itu tidak akan terlepas kepada orang yang menuntut-nya. Wang itu akan di-bayar kepada-nya hanya apabila ia membuktikan tuntutan-nya itu.

Fasal 10 pula ia-lah suatu fasal perkecualian. Ia mengadakan peruntukan supaya perbincangan yang di-mulakan di-bawah Undang² Sabah dan Sarawak yang di-mansokkan, di-teruskan dan supaya Pegawai Pentadbir Pesaka mengambil alih tugas² pembahagian daripada Ketua Pegawai Pentadbir Pesaka Sabah dan Pegawai² Probet di-Sarawak.

Fasal 11 mengandungi peruntukan² pemansokkan dan Fasal 12 membuat pindaan² yang kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhadang hendak berchakap panjang di-bawah Rang Undang² ini kerana mungkin saya akan mengambil masa yang lebih sedikit bila kita membahath Rang Undang² yang akan berikut ia-itu berkenaan dengan harta pesaka kecil. Di-sini saya suka mengucapkan satinggi² tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara dan juga kepada Kerajaan kerana membawa Rang Undang² ini kerana pada pendapat saya Rang Undang² ini sangat-lah banyak menafa'at-nya bila kita bandingkan dengan Ordinan Probet dan Pentadbiran, 1959. Umpama-nya Fasal 5 dalam Rang Undang² ini telah menerangkan kedudukan yang saktakat ini menjadi kekeliruan. Ada mahkamah² atau pun hakim² Mahkamah Tinggi mengatakan dia ta'ada kuasa hendak melepaskan jaminan pada masa yang lalu, tetapi di-bawah pindaan yang di-buat di-sini,

rasa saya sudah begitu jelas, maka terpulunglah kepada kebijaksanaan mahkamah sama ada hendak melepaskan jaminan sama ada semua sa-kali atau pun mengurangkan. Sekarang ini, rasa saya, kekeliruan ini tidak lagi akan timbul.

Chuma satu sahaja perkara yang saya hendak kemukakan, barangkali ini boleh diambil perhatian oleh pihak Kerajaan kerana bila kita mentadbirkan kuasa² pesaka samacham ini perkara itu terpaksa-lah di-kemukakan di-Mahkamah Tinggi ia-itu di-mana juga ada Pusat Pendaftar atau Registry di-Mahkamah Tinggi. Di-negeri kita ini Pusat Pendaftar atau Central Registry-nya di-Kuala Lumpur dan Registry² yang lain ada-lah di-bandar² yang besar, di-Ibu² Negeri umpama-nya di-Alor Star, di-Pulau Pinang, di-Pahang ada dua tempat, ia-itu di-Kuantan dan di-Raub. Tetapi bila kita memandang kepada negeri² yang besar umpama-nya negeri Pahang, barangkali jauh sedikit bagi orang² yang hendak pergi sama ada hendak pergi ka-Kuantan, atau pun dia hendak pergi ka-Raub. Ini terpaksa-lah Kerajaan pandang untuk menyenangkan lagi orang² yang di-luar bandar datang. Saya tahu, kadang² mereka itu bila terpaksa mengambil surat kuasa, datang pada pagi² lagi. Kadang² terpaksa menunggu satu hari. Jadi bila hendak balek kadang² ada yang tertinggal keretapi atau tertinggal bas. Perkara samacham ini ada-lah sulit bagi orang² di-luar bandar, tetapi kalau di-Kuala Lumpur ini tidak susah kerana kita banyak mempunyai hakim yang boleh membicarakan. Tetapi di-negeri² yang agak saya tidak begitu besar, perkara itu boleh menjadi sulit umpama-nya Trengganu chuma ada satu sahaja di-seluruh negeri Trengganu ia-itu di-Kuala Trengganu. Mereka daripada utara Trengganu itu terpaksa juga datang ka-Kuala Trengganu. Yang daripada Kemaman juga terpaksa ka-Kuala Trengganu. Jadi mungkin satu sistem boleh di-chari bagaimana kita boleh baiki kedudukan Registry ini. Barangkali juga alasan² boleh di-beri kerana kalau orang² hendak membicara kuasa di-bawah peruntukan ini, mereka ini memang-lah mempunyai harta yang banyak, kalau yang kecil itu boleh dia mengambil kuasa di-bawah Undang² yang satu lagi Undang² Harta Pesaka Kecil. Tetapi rasa saya ada baik-nya kalau kita ikhtiarkan menchari jalan bagaimana kita boleh mem-

baiki kedudukan Registry di-negeri kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang² ini dengan satu harapan ia-itu masalah harta pesaka, penyelesaian kuasa² harta pesaka ada-lah satu masalah yang amat rumit bagi masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, meski pun peratoran mahkamah yang ada pada masa sekarang ini sudah berjalan lama dan boleh mengatasi masalah² ini, tetapi apa salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapat mengadakan satu sistem ia-itu satu mahkamah yang berasingan untuk menghadapi masalah² ini. Mithal-nya hakim boleh membicarakan perkara² pilehanraya dan perkara² kastam dan sa-bagai-nya. Tetapi kita hanya mengadakan hakim² bagi pilehanraya, masalah pilehanraya dan juga hakim² bagi mahkamah Perusahaan. Untuk memudahkan atau memberi beberapa kemudahan kepada masyarakat kita, patut-lah kita adakan satu tugas yang tertentu untuk menghadapi masalah ini. Saya rasa dalam sejarah, ada cerita² bahawa ada hakim² yang di-tentukan untuk menghadapi masalah ini sahaja. Dan dengan demikian mereka ini dapat menumpukan dan menjadi bukan sahaja expert tetapi well-versed dan professional dalam perkara² yang sa-macham ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya hendak minta penerangan ia-itu dalam Clause 9. Sa-bagaimana dalam penerangan undang² ini ia-itu kalau harta pesaka itu \$50 ka-bawah dan tidak di-tuntut dalam masa 3 tahun, maka wang itu akan dimasukkan ka-dalam wang² yang tidak di-tuntut mengikut Akta Wang Yang Tidak di-Tuntut Tahun 1965. Saya tidak tahu limitation ini ada-kah mesti 3 tahun, tetapi yang saya hendak timbulkan ia-lah masalah yang bukan masalah \$50 itu, bukan masalah amount, tetapi ada-lah masalah right dia. Mithal-nya kita katakan sa-orang meninggal dunia dan harta-nya di-beri kepada warith²-nya dan salah sa-orang daripada warith-nya itu berada di-luar negeri menuntut pelajaran. Kemudian ta' kan-lah dia hendak menuntut \$50 itu hendak balek ka-negeri ini, ta' kan dia hendak membuat surat dan mungkin kalau dia buat surat pun proses belanja untuk mengirim wang \$50 itu jangan² lebeh daripada \$50. Dengan yang demikian, dia pun tidak mempunyai interest yang

banyak untuk menuntut. Maka pada lain kali 3 tahun itu sudah habis dan dia tidak dapat, tetapi consequence-nya, Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah dia tidak dapat \$50 itu masalah tidak ada satu kenyataan yang mensifatkan bahawa dia itu sa-orang warith. Jadi tertinggal-lah nama sa-orang warith. Kemudian apabila dia kembali, mithal-nya 4-5 tahun kemudian ada harta² lain lagi yang di-bahagi²kan amat-lah rumit dia hendak menuntut sebab dia tidak pernah menerima habuan²-nya itu. Ini menyebabkan susah lagi pentadbiran kita berkenaan dengan harta pesaka. Apabila kesalahan yang sa-macham ini berlaku bukan masalah \$50 harta itu yang menjadi masalah, tetapi hubungan masyarakat kita, hubungan individual dalam satu² keluarga itu akan bertambah renggang. Ka-semua-nya ia-lah dengan kita menentukan 3 tahun. Saya tidak tahu ada-lah ini sudah ma'ana-nya kita tidak boleh lagi menuntut lebeh daripada 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pehak legislature Kerajaan di-waktu membuat undang² ini meletakkan 3 tahun itu memandang kepada amount itu, tetapi masalah-nya sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi bukan masalah \$50, masalah right dia sa-bagai sa-orang warith. Ini-lah yang saya harap supaya Kerajaan menyemak sa-mula dalam perkara ini.

Ada pun perkara² yang lain, Tuan Yang di-Pertua, ada berkaitan dengan undang² yang akan datang ini. Ini pun sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin tadi bahawa beliau akan memasokkan dalam Rang Undang² yang akan datang ini lebeh banyak daripada Rang Undang² ini. Lagi sa-kali saya merayu kepada pehak Kerajaan bahawa saya menerima Rang Undang² ini pada 9 haribulan. Kemudian daripada itu nasib baik-lah kita tidak chepat selesai meshuarat pada hari itu, tetapi kalau di-masa² yang lalu kita mempunyai masa yang chukop dan kita meluluskan Rang Undang² yang sa-macham ini dengan tidak sempat langsung orang hendak membachanya. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja masalah undang² biasa, ini masalah bersangkutan-paut dengan harta pesaka yang bukan sahaja positive law yang memainkan peranan, tetapi ada sa-tengah² orang mengatakan hak pesaka ini termasuk sampai kepada natural law. Jadi bagaimana-lah di-beri dalam masa 2 minggu sahaja. Jangan-lah pula Peguam

Negara kita memandang bahawa ka-semua Ahli² Yang Berhormat terutama sa-kali macham saya ini pandai saperti Peguam Negara itu. Kalau ka-semua orang pandai macham Peguam Negara, barangkali jawatan Peguam Negara itu menjadi satu rebutan yang panas. Saya minta-lah lagi sa-kali menerusi Tuan Yang di-Pertua bahawa Rang Undang² yang besar sa-macham ini sa-patutnya di-beri masa yang chukop luas supaya dapat di-timbangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali nampaknya Ahli Yang Berhormat yang di-hadapan saya ini mengatakan ada kelambatan sampainya Bill itu. Penyampaian Bill² daripada Parlimen kepada Ahli² Parlimen ia-lah daripada Parlimen. Ini tertanggung di-atas Setiausaha Parlimen dan Speaker Parlimen, walau pun Bill ini telah di-hantar ka-sini 6 bulan atau 7 bulan lebeh dahulu, maka tinggal-lah kepada Parlimen untok di-hantar kepada wakil²-nya yang akan menghadhiri meshuarat, bukan tanggung-jawab Peguam Negara.

Pada pendapat saya 20 hari Bill yang di-hantar bagitu banyak, saya fikir lebeh daripada yang patut. Ta'kan-lah 20 hari ta'sempat hendak membacha Bill yang saperti ini sebab ada masa-nya library ada di-bawah. Jika sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat hendak membacha dengan lebeh mendalam lagi, dia boleh pergi ka-library yang di-sediakan oleh Dewan ini. Walau bagaimana pun, saya akan berunding-lah kepada pehak penguasa Parlimen ini akan chuba sa-berapa yang boleh mencheptakan lagi sampainya Bill² kepada Ahli² Yang Berhormat.

Yang susah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kadang² Ahli Yang Berhormat itu sudah tidak ada di-tempat kediaman-nya lagi. Bila di-hantar Bill itu ka-sana, dia sudah datang ka-sini, ta'sampai-lah Bill itu ka-tangan beliau.

Berkenaan dengan wang \$50 tadi, ia-itu Fasal 9 saya telah nyatakan di-situ dahulu yang 15 tahun di-gantikan kepada 3 tahun. Pada pendapat pehak yang berkuasa dalam hal ini menyimpan duit yang kurang daripada \$50 dalam satu account sampai 15 tahun akan sangat menyusahkan. Itu-lah sebab-nya kalau kurang daripada \$50 kerana banyak nanti yang ada tinggal, mithal-nya \$5, \$10 atau \$20 kalau 3 tahun ta' ada pehak

warith lain menuntut-nya, maka di-masokkan dalam satu Kumpulan Wang di-Satukan tadi dan saya telah menyatakan tadi bahawa wang itu tidak akan hilang, wang itu tidak akan terlepas kepada orang yang menuntut-nya. Wang itu akan di-bayar kepada-nya hanya apabila ia membuktikan tuntutan-nya. Sudah itu sampai 15 tahun, 20 tahun pun wang yang baki \$10 itu ada dalam simpanan itu melainkan dia datang ka-situ, tetapi tidak-lah tergantung kepada account yang di-simpan oleh Pegawai Pentadbir. Itu sahaja yang dapat saya terangkan dalam perkara ini.

Berkenaan dengan mengadakan sa-buah court khas kerana memberi pesaka, nampaknya chadangan itu lebeh kurang menyokong juga mengenai kehendak Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin yang menyatakan sungguh pun bukan-lah hendakkan special court atau special judge, tetapi menambahkan lagi tempat Pendaftar di-negeri² supaya menyenangkan sadikit orang² yang di-kampung² daripada pergi berbelanja hingga 200-300 batu kerana menghadhiri perbicharaan di-Mahkamah Tinggi. Perkara ini boleh di-timbangkan, tetapi ada-lah perkara yang sukar juga hendak di-jalankan, kerana apakala kita adakan tempat² perbicharaan harta pesaka atau registry, maka berkehendakkan lagi pejabat dan juga tambahan pegawai. Memandang kepada hal itu, jikalau ada sa-buah negeri itu banyak kes² yang sa-macham ini, maka boleh-lah saya fikir di-tambahkan tempat-nya atau pegawai Pentadbir Harta Pesaka itu. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 12 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**RANG UNDANG² (PEMBAHAGIAN)
HARTA PESAKA KECHIL (PINDAAN
DAN PERLUASAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² bernama "suatu Akta bagi meminda Ordinan (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil, 1955, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Ordinan itu, sa-bagaimana di-pinda, ka-semua-nya ka-bahagian Malaysia" di-bachakan bagi kali kedua.

Rang Undang² ini ia-lah sa-bahagian daripada usaha hendak memperluaskan undang² Malaysia Barat ka-Malaysia Timor berhubung dengan probet dan pentadbiran pesaka dan ia-nya ada-lah terikat dengan Rang Undang² Probet dan Pentadbiran Pesaka yang telah di-luluskan oleh Majlis baharu² ini.

Sa-suatu harta pesaka kechil ia-lah harta pesaka sa-saorang si-mati terdiri ka-semua-nya atau sa-bahagian-nya daripada-nya dari harta takalah atau immovable yang jumlah nilai-nya tidak lebeh daripada \$10,000. Fasal 4 Rang Undang² ini berchadang hendak menaikkan had ini daripada \$10,000 kepada \$25,000. Ordinan itu telah menjadi suatu rahmat kepada gulongan kaum yang lebeh miskin di-negeri ini khusus-nya kepada penduduk² luar bandar. Ia-nya mengadakan suatu achara yang mudah dan yang bukan terikat kepada undang² berkenaan dengan pembahagian harta pesaka si-mati yang kechil pendapatan-nya. Ordinan ini ada-lah di-tadbirkan oleh pegawai² tanah. Selalu-nya pembahagian di-lakukan di-tempat harta juga apabila pasokan mithal-nya pejabat tanah melakukan lawatan tahunan bagi memungut hasil tanah sama dia memungut hasil tanah itu dia pun mendengarlal kes bagi pusaka itu. Tiada banyak borang yang hendak di-isi pula dan pembahagian di-jalankan dengan belanja yang sa-habis² rendah terhadap pemohon pula. Sabah dan Sarawak telah meminta supaya had itu di-naikkan kepada \$25,000. Had \$10,000 yang ada sekarang ini telah di-tetapkan dalam tahun 1959 dan kenaikan itu nampak-nya ada-lah patut memandang kepada jatohnya nilai wang dan naik-nya harga harta² tanah walau pun di-luar bandar, sudah dua tiga kali ganda sekarang. Nilai tanah yang

di-mileki oleh bumiputra di-Sabah dan di-Sarawak ada-lah juga tinggi kalau di-bandingkan di-luar bandar di-sini sekarang.

Fasal 3 Rang Undang² ini dengan pindaan yang telah saya bawakan di-Dewan Ra'ayat, Rang Undang² ini kepada Menteri menetapkan tarikh² yang berlainan bagi mula berkuat-kuasa-nya Ordinan itu di-negeri² yang berlainan. Sarawak telah ber-setuju dengan perluasan Ordinan ini ka-negeri-nya pada prinsip-nya, tetapi telah meminta tempoh untuk menimbangkan butir² berhubung dengan pamakaian-nya bagi harta pesaka bumiputra di-Sarawak. Oleh yang demikian Fasal 3 menambah satu sekshen-kechil (2) kepada sekshen (1) Ordinan itu untuk membolehkan Menteri membuat ubahsuaian kepada Ordinan itu pada masa ia menguatkuasakan Ordinan itu kelak ka-negeri Sarawak. Ini ada-lah sa-rupa dengan peruntokan dalam Fasal 3 Rang Undang² yang baharu sahaja di-luluskan oleh Majlis tadi.

Fasal 5, memasokkan suatu Bahagian baharu IV mengandongi peruntokan² khas berhubung dengan Sabah sa-laras dengan Bahagian III yang ada sekarang, yang mengandongi peruntokan² khas berhubung dengan tanah adat Negri Sembilan. Bahagian baharu IV itu mengadakan peruntokan supaya semua harta pesaka kechil di-Sabah di-selenggarakan di-bawa Ordinan Sabah. Permohonan berkenaan dengan pembahagian harta pesaka bumiputra biasa-nya akan di-hantar ka-Mahkamah Bumiputra di-Sabah, yang di-tubuhkan di-bawah Ordinan Mahkamah Bumiputra Sabah (Bab 86). Menurut Fasal 6 keputusan Mahkamah Bumiputra Sabah itu akan terta'alok kepada rayuan dan semakan sa-bagaimana yang di-peruntokkan dalam perlembangan Mahkamah itu. Harta pesaka bumiputra itu adalah di-ta'arifkan sa-bagai harta pesaka sa-saorang si-mati yang pada masa kematian-nya ada-lah sa-orang bumiputra Sabah dan terdiri dari harta ta' kaleh atau immovable property, yang ka-semua-nya di-pegang di-bawah Hakmilek Bumiputra Sabah dengan tidak mengira apa jua nilai-nya, dan juga harta aleh jika ada, yang bernilai tidak lebeh daripada \$20,000.

Fasal 7 memasokkan dua sekshen baharu dalam Ordinan itu. Sekshen 33 mengandongi peruntokan² perkechualian dan peralehan manakala sekshen 34 pula memasokkan dalam Ordinan itu dalam bentuk suatu

kawasan tempatan bidangkuasa-nya, dan ini nyata sa-kali di-ingini dan mungkin tidak di-maksudkan. Itu-lah sebab di-pinda.

Fasal 5, Tuan Yang di-Pertua, meminda Jadual Keempat kepada Ordinan yang mengandungi senarai Mejjisteret Klas P r-tama ex-officio. Menteri² Besar dan Ketua² Menteri telah di-tinggalkan dari senarai itu oleh kerana jawatan² mereka itu sekarang ada-lah jawatan² politik, tidak boleh jadi Mejjisteret lagi. Semua Penolong Pegawai Daerah yang menjaga Daerah-Kecil telah di-masokkar· dahulu-nya hanya sa-bilangan kecil pegawai² yang tertentu sahaja telah di-masokkan. Tugas² Mejjisteret² ex-officio ia-lah utama-nya untuk menyaksikan surat² atau kebanyakan kerja-nya ia-lah attestation sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada p'ndaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDAGN² MAHKAMAH KEADILAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Courts of Judicature Act, 1964" be read a second time.

This Bill, Sir, seeks to make certain minor amendments to the Courts of Judicature Act,

No. 7 of 1964, which were found necessary during the process of revision.

The Courts of Judicature Act, as it is, makes no mention anywhere of the office of Senior Assistant Registrar of the Federal and High Courts. The office seems to have been included in that of the Assistant Registrar. This is considered to be unsatisfactory. Accordingly, Clauses 2, 5 (a) and 6 of the Bill amend the definition of "Registrar" in section 2, and sections 10 (1) and 11 (1) of the Act by adding "Senior Assistant Registrar" to the list of officers specified therein.

Clauses 3, 4 and 7, Sir, of the Bill correct what are obviously drafting errors in sections 5 (1), 7 and 12 (2) of the Act which specify what courts replace the pre-Malaysian courts of record and the processes that issue out of those courts.

Clause 5 (b), Sir, adds a new subsection 10 (4) to make provision for the performance of registry duties by certain Presidents of Sessions Courts in West Malaysia and First Class Magistrates in East Malaysia so that the registries may continue to function during the absence of Assistant Registrars.

Clause 9 transfers to the Act the provisions relating to the immunity of Judges contained in the Courts Ordinance, 1948; and Clauses 13 and 14 transfer to the Act the provisions relating to the powers of the High Court and the Federal Court in making special references to special referees contained in the Arbitration Ordinance, No. 12 of 1950. A special referee is a person to whom questions are referred by the Court for inquiry and report. These provisions, Sir, belong more properly to the Courts of Judicature Act than to the two Ordinances I mentioned just now.

Clause 10 gives the Rules Committee general power to make rules of court when authorized to do so under other written laws. At present its powers are confined to the specific purposes set out in section 16.

Clause 11, Sir, clarifies the position regarding the appointment of advocates from East and West Malaysia to the Rules Committee.

At this stage, Sir, I wish to refer to the Explanatory Statement, paragraph 6 of which is unfortunately a little misleading. Section 14 of the Courts of the Judicature Act, 1964

Jadual peruntokan² khas berhubung dengan Melaka dan Pulau Pinang yang telah diadakan oleh Perintah Harta Pesaka Kechil (Pulau Pinang dan Melaka) 1965 yang dibuat di-bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilk Pulau Pinang dan Melaka) No. 2 tahun 1963.

Fasal 8 memansokhkan Ordinan Pentadbiran Pesaka Harta Pesaka Bumiputra dan Harta Pesaka Kechil (Bab 1) dan Fasal 9 membuat pindaan² yang kechil dan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap berkenaan dengan Rang Undang² ini sambil menarek perhatian pehak Kerajaan bahawa

Rang Undang² ini amat-lah mustahak dan saya lagi sa-kali menhadangkan supaya Rang Undang² ini di-rojokkan kepada Select Committee.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bagitu ia-lah kerana masaalah harta pesaka kechil ini amat-lah rumit kerana kita terlibat kepada beberapa gulcngan ia-itu orang² Islam bumiputra, Undang² di-Sabah, Sarawak dan termasuk juga Undang² di-Negri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kita membuat undang² dengan niat supaya undang² ini boleh di-samakan dan tundok kepada satu peratoran

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari esok, 1hb Jun, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.